




BUKU LAPORAN TAHUNAN

WAQAF FELDA

KEJAYAAN DALAM KEBERKATAN



BUKU LAPORAN TAHUNAN WAQAF FELDA
KEJAYAAN DALAM KEBERKATAN

“WAQAF FELDA membuktikan adanya anjakan minda peneroka apabila mereka bukan lagi semata-mata golongan menerima bantuan tetapi telah mula berkongsi rezeki dengan nilai wakaf terkumpul melebihi 27 juta ringgit walaupun tabung wakaf baru ditubuhkan pada 2021.”

Petikan ucapan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan belanjawan Malaysia 2023 di Dewan Rakyat

ISI KANDUNGAN

i-ii

LATAR BELAKANG WAQAF FELDA

- i. Sejarah Penubuhan
- ii. Kenyataan Syariah
- iii. Peranan dan Sumbangan WAQAF FELDA
- iv. Visi, Misi, Nilai, Objektif Penubuhan
- v. Imbasan 2024, Visualog / Mesyuarat Agung 2022-2024
- vi. Maklumat Korporat
- vii. Kelulusan Pengecualian Cukai

i-ii

KEPIMPINAN WAQAF FELDA

- i. Perutusan Pengerusi WAQAF FELDA
- ii. Perutusan Ahli Lembaga Pengarah
- iii. Ahli Lembaga Pengarah
- iv. Profil Lembaga Pengarah
- v. Jawatankuasa Eksekutif
- vi. Jawatankuasa Syariah
- vii. Jawatankuasa Pelaburan
- viii. Struktur Organisasi Pengurusan

i-ii

MODEL WAQAF FELDA

- i. Model Operasi WAQAF FELDA
- ii. Keahlian Sumber Dana Wakaf
- iii. Kategori Keahlian WAQAF FELDA
- iv. Sasaran Pewakaf
- v. Laporan Agihan Dana Sosial 2024/2025
- vi. Saluran Berwakaf

ISI KANDUNGAN



NOTIS PANGGILAN MESUARAT AGUNG	i-ii
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN	i-ii
LAPORAN AKTIVITI WAQAF FELDA	i-ii
i. Aktiviti dan Program	
ii. Agihan Manfaat	
QAFF by WAQAF FELDA	i-ii
i. Maklumat Pejabat Pameran	
ii. Senarai Produk	
iii. Maklumat Produk	
iv. Platform Jualan	
LAMPIRAN	i-ii

The background of the entire page is a photograph of a vast field filled with palm oil fruits hanging from trees. The fruits are in various stages of ripeness, ranging from bright yellow-green to deep orange-red. A vertical decorative border on the left side features a repeating pattern of green and gold diamond shapes.

LATAR BELAKANG **WAQAF FELDA**

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan WAQAF FELDA merupakan manifestasi komitmen FELDA dalam memperkasa pembangunan sosioekonomi ummah melalui instrumen Waqaf Korporat. Inisiatif ini bermula pada **Julai 2020**, apabila perbincangan awal telah diadakan antara kepimpinan tinggi FELDA bersama **Yayasan Iqra'**, diikuti dengan sesi libat urus bersama **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** pada **Ogos 2020**.

Pada bulan yang sama, **Lembaga FELDA telah meluluskan** cadangan penubuhan entiti wakaf ini, yang kemudiannya menerima **kelulusan rasmi daripada YAB Perdana Menteri ke-8** pada **Oktober 2020**. Langkah ini membuka jalan kepada penubuhan rasmi WAQAF FELDA.

Pada **Mac 2021**, WAQAF FELDA telah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai **Tabung Felda**, memandangkan penggunaan istilah "wakaf" dalam nama syarikat memerlukan kelulusan sebagai **Mutawalli** daripada Majlis Agama Islam Negeri.

Setelah melalui proses semakan pematuhan syariah terhadap model dan struktur pengurusan wakaf, **kelulusan sebagai Mutawalli daripada MAIWP** telah diperoleh pada **Oktober 2021**, diikuti dengan **pemeteraian perjanjian antara MAIWP dan WAQAF FELDA** pada **November 2021**.

Kemuncak kepada usaha ini adalah pada **21 November 2021**, apabila **WAQAF FELDA dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri ke-9** di Menara FELDA. Pelancaran ini turut disertai dengan suntikan dana permulaan daripada pelbagai agensi dalam kumpulan FELDA sebagai tanda sokongan terhadap WAQAF FELDA. FELDA sendiri, selaku pengasas, telah berwakaf sebanyak **RM10 juta** sebagai komitmen awal terhadap pembangunan dan kelestarian WAQAF FELDA.





Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, dan juga ke atas keluarga serta semua sahabat Baginda.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Kami, ahli Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA ("Jawatankuasa") yang terdiri daripada tiga (3) orang yang berikut:

1. Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali Mohd Adnan (Pengerusi Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA)
2. Dr Mohd Faisal Mustaffa
3. Prof Madya Dr Nurul Aini Muhammed

dengan ini mengesahkan bahawa kami telah menyemak aktiviti syarikat dan cadangan perniagaan serta pelaburan yang diperkenalkan oleh barisan Pengurusan WAQAF FELDA ("Pengurusan") dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024. Semasa pada tahun tersebut, Jawatankuasa Syariah telah bersidang sebanyak dua (2) kali dan semua ahli telah memenuhi syarat kehadiran minimum yang memerlukan ahli Jawatankuasa Syariah menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan.

Kami telah menyediakan khidmat nasihat syariah terhadap pelbagai aspek kepada WAQAF FELDA untuk memastikan pematuhan terhadap prinsip syariah yang terpakai serta fatwa yang telah diwartakan dan ketetapan berkaitan yang dibuat oleh pihak berkuasa dan badan berautoriti.

Pengurusan telah menjalankan penyelidikan dan semakan syariah yang dikendalikan oleh Sekretariat Syariah dan sebarang hasil penyelidikan telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa dengan ini mengesahkan bahawa usaha sewajarnya telah diambil oleh Pengurusan untuk menerapkan Budaya Pematuhan Syariah dalam WAQAF FELDA.

Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan WAQAF FELDA menjalankan segala bentuk operasi, perniagaan, dan pelaburannya mengikut peraturan dan prinsip syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membentuk pendapat yang bebas, berdasarkan semakan kami terhadap operasi WAQAF FELDA dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah sebelum pendedahan dilakukan menerusi laporan tahunan syarikat.

KENYATAAN SYARIAH

Kami berpendapat bahawa:

1. Produk baharu, inisiatif perniagaan, dan program yang diperkenalkan oleh WAQAF FELDA sehingga tahun berakhir 31 Disember 2024, yang telah kami semak adalah mematuhi peraturan dan prinsip syariah;
2. Semakan syariah (shariah review), yang merupakan salah satu kewajiban Pengurusan, telah dijalankan dengan metodologi yang benar manakala langkah pembetulan terhadap sebarang insiden serta risiko yang akan datang telah ditangani dengan baik serta mempunyai mitigasi yang bersesuaian dengan kehendak syariah; dan
3. Cadangan perniagaan dan pelaburan yang diceburi WAQAF FELDA yang didedahkan kepada kami sehingga tahun berakhir 31 Disember 2024, juga mematuhi peraturan dan prinsip syariah.

Bagi tahun 2025, barisan Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA telah diperkuuhkan dengan pelantikan seorang ahli baharu, iaitu Dr. Abdullaah Jalil, bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan selepas tamatnya tempoh perkhidmatan Prof. Madya Dr. Nurul Aini Muhamed.

Walaupun segala penelitian telah dicurahkan, kami tetap memohon perlindungan Allah Ta'ala daripada perkara yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.



PERANAN & SUMBANGAN WAQAF FELDA

WAQAF FELDA ditubuhkan sebagai entiti Waqaf Korporat yang berperanan memperkasa pembangunan sosioekonomi ummah melalui pengurusan dana wakaf yang telus, berstrategik, dan patuh syariah.

Peranan WAQAF FELDA

1. **Agensi kutipan dan dakwah.** Mengutip dana bukanlah kerja enteng kerana melibatkan emosi dan perasaan manusia. Justeru, **WAQAF FELDA** bukan sekadar berperanan sebagai agensi kutipan dan wakaf semata-mata. Peranan **WAQAF FELDA** meliputi tugas sebagai pendakwah dan pendidik dalam memperkenalkan wakaf kepada masyarakat, kepentingan berinfak dan kelebihannya, serta memperbaiki persepsi negatif yang berlegar dalam masyarakat berhubung wakaf.
2. **Menguruskan dana wakaf.** Dana wakaf diuruskan dengan penuh akauntabiliti menggunakan amalan perakaunan terbaik yang selaras dengan **Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS)**, **Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS)**, serta mematuhi **Akta Syarikat 2016**. Setiap tahun, **WAQAF FELDA** akan diaudit dengan juruaudit luar dan hasil pengauditan disiarkan secara umum dalam Buku Laporan Tahunan serta dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
3. **Melaburkan dana wakaf dalam pelaburan berimpak tinggi.** Dana wakaf dilaburkan dalam sektor-sektor strategik yang memberi pulangan mampan dan manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Oleh itu, **WAQAF FELDA** sentiasa memastikan petugas pelaburannya mempunyai kapasiti yang memuaskan dalam memastikan pelaburan dana wakaf menerima pulangan yang memuaskan.
4. **Pengagihan manfaat wakaf kepada penerima.** **WAQAF FELDA** berperanan mengagihkan pulangan pelaburan dana wakaf kepada penerima yang layak berdasarkan penilaian **Maqasid Syariah**, memastikan keadilan dan keberkesan dalam penyampaian manfaat.
5. **Pengurusan Aset Wakaf.** Aset-aset wakaf diurus secara optimum agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan ummah.
6. **Pematuhan syariah.** **WAQAF FELDA** juga berperanan mengurus keseluruhan rantaian operasi meliputi kutipan, pelaburan, perniagaan, dan agihan bertepatan dengan prinsip-prinsip syariah.

PERANAN & SUMBANGAN WAQAF FELDA

Sumbangan WAQAF FELDA

1. **Manfaat kepada Lebih 25,000 penerima.** Sehingga kini, **WAQAF FELDA** telah memberi manfaat kepada lebih **25,000 penerima** secara langsung dan tidak langsung di seluruh Malaysia, dan terus menasarkan agar lebih ramai dapat dibantu untuk tahun-tahun yang akan datang.
2. **Penglibatan Antarabangsa dalam Misi Kemanusiaan.** **WAQAF FELDA** telah meluaskan mengorak langkah ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam misi bantuan kemanusiaan susulan bencana gempa bumi di **Turkiye dan Syria**.
3. **Sumbangan Intelektual dan Penyelidikan.** **WAQAF FELDA** telah menerima **Anugerah Kertas Kajian Terbaik** dalam bidang wakaf semasa **Persidangan Antarabangsa Zakat, Wakaf, Cukai dan Pembangunan Ekonomi (ZAWED) 2024**, membuktikan komitmen terhadap pembangunan ilmu dan intelektual.
4. **Sumbangan Kerohanian FELDA.** **WAQAF FELDA** diberi kepercayaan untuk menerajui **Kluster Kerohanian** sempena **Hari Peneroka FELDA 2024**, memperkuuh keseimbangan antara pembangunan rohani dan duniaawi dalam kalangan warga FELDA.
5. **Bantuan Tanpa Mengira Latar Belakang.** **WAQAF FELDA** menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada warga FELDA dan bukan FELDA tanpa mengira kaum, etnik, dan agama, sekali gus membantu mengurangkan beban kerajaan dalam penyediaan khidmat sosial dan kebajikan.
6. **Sokongan Pendidikan Tahfiz Berteraskan Sains.** **WAQAF FELDA** telah menyalurkan bantuan dalam bentuk kelengkapan **makmal sains** kepada madrasah tahfiz, membolehkan pelajar tahfiz menerima pendidikan sains dan teknologi setara dengan sekolah arus perdana.
7. **Bantuan Pasca Banjir.** **WAQAF FELDA** turut memainkan peranan aktif dalam menyediakan bantuan pasca banjir seperti yang berlaku di FELDA yang berlokasi di Pantai timur Semenanjung Malaysia, secara tak langsung membantu meringankan beban agensi kerajaan dalam menangani kesan bencana alam.





MISI

WAQAF FELDA


Menjadi **Institusi Waqaf Korporat**
terulung di **Peringkat Global.**



VISI

Melestarikan institusi waqaf melalui **kemampunan sumber, pelaburan berimpak tinggi** dan **memperkuuh sosio-ekonomi ummah.**





OBJEKTIF PENUBUHAN WAQAF FELDA



KELESTARIAN WAKAF

Menjamin penyaluran sumbangan wakaf yang berterusan melalui kefahaman dan kesedaran kebaikan berwaqaf.



PELABURAN BERIMPAK TINGGI

Melaksanakan pelaburan dan pengurusan aset patuh Syariah yang memberikan pulangan yang tinggi.



PEMERKASAAN TADBIR URUS

Memperkuatkan tadbir urus wakaf melalui nilai-nilai ESG berlandaskan syariat Islam.



KEPELBAGAIAN MANFAAT

Mempelbagaikan bentuk manfaat demi kemakmuran dan kesejahteraan ummah.



GARIS MASA 2024

JANUARI



Majlis Penyerahan Klinik Bergerak Wakaf



Agihan Manfaat Kesihatan dan Dhaif

FEBRUARI



Waqaf Run 1.0



Majlis Yasin Perdana FELDA



Lawatan Delegasi Nigeria



Agihan Manfaat Pendidikan dan Kerohanian (Wilayah Kuantan)



Agihan Manfaat Pendidikan dan Kerohanian (Sekolah Agama Ulu Tebrau)



Geng Subuh Macam Jumaat FELDA Lepar Utara

Mac



Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim dan Pelajar Tahfiz di Klang



Agihan Manfaat Gelandangan



Perjumpaan bersama Awqaf Africa

April



MEI



Penyerahan Waqaf Vaganza Edisi Ramadan



Bengkel Dai Zon Selatan

JUN



Salam Waqaf bersama
Fedtri Yahya



Bengkel Dai Zon Utara



Jelajah Siswa bersama
PERSADA

JULAI



Perlawanan Amal 7 Penjuru



Waqaf Run 2.0



Sambutan Hari Peneroka FELDA
2024 (Khatam 5 Minit)



Sambutan Hari Peneroka FELDA
2024 (FELDA Berselawat)



Sambutan Hari Peneroka FELDA
2024 (Omar Hana)

OGOS



Bicara Mutiara Qurani



Mesyuarat Agung Tahunan Waqaf FELDA 2024



SEPTEMBER



Agihan Manfaat Pendidikan dan Kerohanian



OKTOBER



Agihan Manfaat Bencana (Mangsa Kebakaran)



Agihan Manfaat Pendidikan dan Kerohanian (Maahad ILMU)



ZAWED

NOVEMBER



Agihan Manfaat Kesihatan dan Dhaif

DISEMBER



Bantuan Mangsa Banjir
Wilayah Alor Setar



Ride Attack 1.0 Bantuan Pasti Sampai




Ziarah Kasih Pewakaf Hadid



Bantuan Mangsa Banjir FELDA Seberang Taylor

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WAQAF FELDA



Mesyuarat Agung 2022 - 2024



MAKLUMAT KORPORAT

No. Pendaftaran

202101011212 (1411511-T)

Tarikh Pendaftaran

26 Mac 2021

Tarikh Penubuhan

12 November 2021

Jenis Syarikat

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee)

Pejabat Berdaftar

Pejabat Berdaftar Besar Tingkat 47, Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur

Laman Sesawang

www.waqaffelda.com.my

Lembaga Pengarah

- Dato' Sri Ahmad Shabery Bin Cheek
- En. Izham Bin Mustaffa
- Datuk Mohd Nizam Bin Haji Yahya
- Dr. Haji Razali Bin Othman
- Dr. Resul Bin Sapar

Setiausaha Syarikat

Norhana Binti Ramli (BC/N/1815)

Juruaudit Syarikat

MNZWaja (AF 001959)
Akauntan Bertauliah (Malaysia)
No. 19-2-1, Jalan Wangsa Delima 5,
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC)
53300 Kuala Lumpur

Bank Utama

- Malayan Banking Berhad (Maybank)
- MBSB Bank Berhad



KELULUSAN PENGECUALIAN CUKAI



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks: 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web: www.mof.gov.my

CP 19/2024

MOF.TAX.700-3/1/793 (19)

1 Januari 2024

SEGERA DENGAN FAKS

Encik Razuwan Che Rose
Ketua Pegawai Eksekutif
WAQAF FELDA
Menara FELDA, Platinum Park
No.11, Persiaran KLCC
50088 KUALA LUMPUR

No. Faks: 03 – 2191 2590

Tuan,

PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KEPADA INDIVIDU DAN SYARIKAT YANG MENYUMBANG KEPADA SYARIKAT WAQAF FELDA

Dengan hormatnya saya diarah menujuk kepada surat permohonan Yayasan WAQAF FELDA no. rujukan WF.300 – 1/5 (2) bertarikh 4 Oktober 2023 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah bersetuju meluluskan sumbangan wakaf kepada Syarikat WAQAF FELDA sebagai satu projek berkepentingan nasional.

3. Oleh itu, penderma yang menyumbang kepada Syarikat WAQAF FELDA layak menuntut potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan. Kelulusan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028 dan jumlah sumbangan dihadkan kepada RM10 juta sahaja. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana di Lampiran A. Adalah dilihatkan supaya pihak Syarikat WAQAF FELDA untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, surat Kementerian Kewangan MOF.TAX.700-3/1/793 (18) bertarikh 11 Disember 2023 adalah terbatal.

4. Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meminda, mengubah, atau menarik balik kelulusan ini tanpa sebarang alasan pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAHFUZAH BINTI BAHARIN)
Bahagian Cukai
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Surat Kelulusan Pengecualian Cukai 44(11 C) 2028

KELULUSAN PENGECAULIAN CUKAI

s.k.:

Ketua Pegawai Eksekutif /Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Jabatan Dasar Perkuatuan
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Wisma Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
SELANGOR

No. Faks: 03-8313 7811

Surat Kelulusan Pengecualian Cukai 44(11 C) 2028

KELULUSAN PENGECAULIAN CUKAI

Lampiran A

Nama Pemohon : Syarikat WAQAF FELDA

Rujukan Fail : MOF.TAX.700-3/1/793

Syarat-syarat kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk Sumbangan Wakaf kepada Syarikat WAQAF FELDA

- (i) Syarikat WAQAF FELDA (SWF) hendaklah mewujudkan satu penyata akaun berasingan bagi tujuan menerima sumbangan wakaf;
- (ii) SWF hendaklah mengeluarkan resit kepada semua penyumbang yang diluluskan bagi tujuan menuntut potongan cukai pendapatan. Resit tersebut hendaklah mencatatkan nombor rujukan surat kelulusan Kementerian Kewangan. SWF juga perlu menyimpan salinan resit-resit yang dikeluarkan bagi pelaksanaan program yang telah diluluskan untuk tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- (iii) Semua sumbangan yang diterima oleh SWF hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud pelaksanaan wakaf untuk program Kesihatan dan Daif, Pendidikan dan Kerohanian, Bencana, Kemudahan Awam dan Ekonomi sahaja;
- (iv) Tempoh penerimaan sumbangan yang layak diberi potongan cukai dihadkan untuk tempoh mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028 sahaja dengan had sumbangan layak diterima bagi maksud potongan cukai dihadkan kepada RM10 juta sahaja;
- (v) Pihak menyumbang layak menuntut potongan cukai pendapatan bagi tahun taksiran di mana sumbangan telah dilakukan sahaja;
- (vi) Sumbangan yang dibenarkan potongan cukai adalah dalam bentuk wang tunai sahaja dan potongan yang boleh dituntut oleh individu dan syarikat adalah sehingga 10% daripada pendapatan agregat sahaja;
- (vii) SWF hendaklah menyediakan senarai penyumbang yang menyumbang RM1,000 dan ke atas berserta alamat, tarikh penerimaan sumbangan, jumlah sumbangan serta nombor siri resit SWF yang dikeluarkan kepada penyumbang dan mengemukakannya kepada Kementerian Kewangan selewat-lewatnya pada 30 Disember setiap tahun; dan
- (viii) Sekiranya sumbangan telah diperoleh tetapi projek di atas tidak dilaksanakan, sumbangan tersebut hendaklah disalurkan kepada mana-mana institusi/organisasi yang telah diberikan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

D.P. Xcbla Setia
Bahagian Cukai
Perbeniharaan Malaysia

Surat Kelulusan Pengecualian Cukai 44(11 C) 2028

KELULUSAN PENGECAULIAN CUKAI



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web: www.mof.gov.my

CP 214/2024

MOF.TAX.700-3/1/793 (24)

16 Disember 2024

SEGERA DENGAN EMEL

YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek
Pengerusi FELDA
Tingkat 49, Menara FELDA
Platinum Park
No.11, Persiaran KLCC
50088 KUALA LUMPUR

Emel: suffian.mi@felda.net.my
hisyam.a@felda.net.my

YBhg. Dato' Sri,

PERMOHONAN LANJUTAN PENGECAULIAN CUKAI KEPADA HASIL PENDAPATAN YANG DITERIMA OLEH WAQAF FELDA DI BAWAH SUBSEKSYEN 127(3A) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Pengerusi FELDA nombor rujukan ()1000/PP 1-18 Pt.2 bertarikh November 2024.

2. Dimaklumkan bahawa Menteri Kewangan telah bersetuju **meluluskan** permohonan lanjut tempoh pengecaulian cukai selaras dengan kuasa di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 di peringkat pendapatan statutori untuk tempoh 4 tahun mulai Tahun Taksiran 2025 hingga Tahun Taksiran 2028 oleh Syarikat WAQAF FELDA.

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Tiada perubahan syarat-syarat dalam aktiviti Syarikat WAQAF FELDA;
- Sebarang perubahan dalam 'Memorandum and Articles of Association' Syarikat WAQAF FELDA perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan;
- Syarikat WAQAF FELDA tetap perlu melaporkan pendapatan dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) pada setiap tahun walaupun mendapat pengecaulian cukai di bawah subseksyen 127(3A) ACP 1967;

b/p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bentang Cukai
Perbendaharaan Malaysia

Surat Kelulusan Pengecualian Cukai 127(3 A) 2028

KELULUSAN PENGECAULIAN CUKAI

- d) Syarikat WAQAF FELDA juga hendaklah menyimpan semua rekod dan dokumen berkaitan agar semakan boleh dibuat untuk aktiviti pematuhan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- e) kelulusan ini adalah bersifat one-off dan Kementerian Kewangan mempunyai hak untuk memindah, mengubah atau menarik balik keputusan ini pada bila-bila masa; dan
- f) permohonan pelanjutan tempoh akan datang, Kementerian Kewangan berpandangan permohonan ini wajar dirujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk disemak kelayakan di bawah Seksyen 44(6) ACP 1967.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(John Patrick Antony Samy)
Setiausaha Bahagian Cukai
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Jabatan Dasar Percukaian
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil Aras 17
Persiaran Rimba Permai, Cyber8,
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Faks : 03-8313 7811

Surat Kelulusan Pengecualian Cukai 127(3 A) 2028

The background image shows a dense plantation of palm trees, likely oil palms, with many green fronds and clusters of small red fruits. A dirt path leads through the trees from the foreground towards the middle ground.

**KEPIMPINAN
WAQAF FELDA**

WAQAF FELDA terus melangkah maju dalam memainkan peranan sebagai sebuah institusi wakaf yang progresif dan berkesan dalam memperkasa komuniti FELDA serta ummah secara keseluruhan.

WAQAF FELDA

WAQAF FELDA telah memberi impak langsung kepada lebih 26,000 benefisiari melalui empat kluster utama

Mencapai **42,208** orang bersamaan **84%** daripada sasaran 50,000 ahli.

SHABERY

WOOPIT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, WAQAF FELDA terus melangkah maju dalam memainkan peranannya sebagai sebuah institusi wakaf yang progresif dan berkesan dalam memperkasa komuniti FELDA serta ummah secara keseluruhan. Tahun 2024 menjadi saksi kepada pelbagai pencapaian bermakna yang telah dicapai hasil sokongan padu para pewakaf, rakan strategik dan seluruh warga FELDA.

Sepanjang tahun ini, WAQAF FELDA telah memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dari segi keahlian dan kutipan wakaf. Sehingga Disember 2024, jumlah ahli mencapai 42,208 orang bersamaan 84% daripada sasaran 50,000 ahli. Dari segi kutipan, sejumlah RM40.5 juta telah berjaya dikumpulkan, mencerminkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap peranan dan tadbir urus WAQAF FELDA yang amanah dan berintegriti. Pencapaian ini tidak hanya diukur dari segi angka, tetapi lebih penting ialah manfaat yang telah disalurkan kepada masyarakat.

Dalam tempoh ini, pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan untuk memperluas kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam budaya berwakaf. Antara yang paling signifikan adalah Wakaf Vaganza 3.0, yang berjaya mengumpul RM345,217 dengan penyertaan 6,765 orang, serta Kempen Wakaf Al-Quran yang mendapat perhatian istimewa apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri berkenan berwaqaf Al-Quran dalam sebuah program di Pekan, Pahang. Kami juga telah menjayakan Bengkel Da'i Wakaf di seluruh zon FELDA, yang melatih pendakwah untuk menjadi agen pemerkasaan wakaf di peringkat akar umbi.

Penganjuran Waqaf Run 2.0, Pameran sempena Hari Peneroka FELDA dan penyertaan dalam forum-forum berprestij seperti World Zakat and Waqf Forum (WZWF) serta Persidangan ZAWED 2024 telah melonjakkan nama WAQAF FELDA di persada antarabangsa. Ini membuktikan bahawa WAQAF FELDA bukan hanya berfungsi secara lokal, tetapi juga bersedia memainkan peranan sebagai pemacu ekonomi sosial Islam pada peringkat global.

Dari aspek agihan manfaat, WAQAF FELDA telah memberi impak langsung kepada lebih 26,000 benefisiari melalui empat kluster utama: Kesihatan dan Golongan Dhaif, Bencana, Kemudahan Awam, dan Pendidikan serta Kerohanian. Usaha ini bukan sahaja meringankan beban kehidupan, tetapi juga memperkuuh semangat kesatuan dan keprihatinan dalam kalangan masyarakat FELDA.

Kesemua kejayaan ini tentunya tidak akan tercapai tanpa komitmen dan sokongan berterusan daripada semua pihak pewakaf, ahli lembaga, pihak pengurusan, warga FELDA, agensi berkaitan serta masyarakat umum. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan agenda wakaf ini.

Saya percaya bahawa masa depan wakaf di Malaysia, khususnya di bawah naungan FELDA, amat cerah sekiranya kita terus memperkuuh jaringan kerjasama, mempertingkatkan inovasi dalam pengurusan wakaf dan menanamkan kefahaman wakaf sebagai satu instrumen pembangunan yang inklusif dan mampan.

Akhir kata, marilah kita terus menyemarakkan semangat berwakaf sebagai satu budaya hidup yang mampu merubah nasib ummah. Bersama kita jayakan misi besar ini demi manfaat generasi hari ini dan akan datang.
Sekian, wassalam.

PERUTUSAN AHLI LEMBAGA PENGARAH

Y B h g . D A T U K N I Z A M H J . Y A H Y A
(MAIWP)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, WAQAF FELDA terus melakar langkah maju dan proaktif dalam memperkuat peranan sebagai pemacu utama pembangunan wakaf yang bersifat inklusif, lestari dan berimpak tinggi. Tahun 2024 menyaksikan pelbagai dimensi pertumbuhan dan penambahbaikan yang telah dicapai oleh organisasi ini, bukan sahaja dalam aspek tadbir urus dan pelaksanaan program, malah dalam memperluas kesedaran dan penyertaan masyarakat terhadap instrumen wakaf sebagai pemangkin kesejahteraan ummah.

Sebagai wakil Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam Lembaga Pengarah WAQAF FELDA, saya amat menghargai iltizam yang ditunjukkan oleh seluruh warga kerja dan rakan strategik dalam memastikan setiap agenda dan inisiatif yang digerakkan mampu memberi manfaat secara langsung kepada golongan sasar, khususnya komuniti peneroka FELDA dan masyarakat Islam amnya. Ini membuktikan bahawa kolaborasi antara institusi Islam dan entiti korporat mampu menghasilkan sinergi yang kuat dalam menjayakan ekonomi berteraskan maqasid syariah.

Sepanjang tahun lalu, pendekatan digital dan mesra pengguna telah terus diperkasa antaranya melalui platform dalam talian, kaedah potongan gaji serta pelaksanaan kutipan wakaf secara sistematik di peringkat akar umbi. Inisiatif ini membuka ruang lebih luas kepada masyarakat pelbagai lapisan untuk menyertai amal wakaf dengan lebih mudah, telus dan konsisten. WAQAF FELDA bukan sekadar memperkenalkan instrumen kewangan Islam, malah mendidik masyarakat agar menjadikan wakaf sebagai gaya hidup berimpak sosial tinggi.

Penerbitan laporan tahunan ini bukan sahaja mendokumentasikan pencapaian organisasi, tetapi juga mencerminkan nilai akauntabiliti, keterbukaan dan profesionalisme yang menjadi teras pengurusan wakaf moden. Ia adalah cerminan keyakinan bahawa tadbir urus wakaf hari ini menuntut kepada standard yang tinggi, penilaian yang objektif serta hala tuju yang selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan.

Justeru itu, saya ingin menyeru seluruh warga FELDA dan masyarakat Islam untuk terus menyokong, menyertai dan menyumbang dalam agenda pemerkasaan wakaf. Pelaburan wakaf bukan sahaja menjanjikan ganjaran akhirat yang berkekalan, malah mencipta ruang penyelesaian terhadap pelbagai isu kemasyarakatan seperti kemiskinan, pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti.

Akhir kata, saya mendoakan agar WAQAF FELDA terus bergerak dinamik, mengekalkan integriti serta meluaskan jaringan kerjasama dalam dan luar negara. Semoga usaha murni ini akan terus diberkati dan dilipatgandakan ganjarannya oleh Allah SWT.

“Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia lain.”
(Hadis Riwayat al-Tabarani)

AHLI LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek

Datuk Mohd
Nizam Hj. Yahya
(MAIWP)

En. Izham Mustaffa
(Timbalan Pengarah Besar
FELDA)

Dr. Resul Sapar

Dr. Hj. Razali
Othman

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Ustaz Hisyam
Ahmad

SETIAUSAHA SYARIKAT

Pn. Hjh. Norhana
Ramli



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek

Pengerusi FELDA/Pengerusi WAQAF FELDA

Jawatan kini:

- Dilantik sebagai Pengerusi **FELDA** mulai 1 Julai 2023
- Juga memegang jawatan sebagai Pengerusi **WAQAF FELDA**

Kepimpinan:

- Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (2015-2018)
- Bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia (2013-2015)
- Pernah menjadi Ahli Parlimen Kemaman, Terengganu (2004-2018)

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains Politik - **University of Leeds, UK**
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi - **Universiti Malaya (UM)**
- Diploma Lanjutan Perhubungan Antarabangsa - **Universiti Uppsala, Sweden**

Pengalaman Akademik:

- Pernah menjadi pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, UM
- Bekas fellow penyelidik di Institut Kajian Asia Tenggara, Singapura (ISEAS)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBrs. Encik Izham bin Mustaffa

Timbalan Pengarah Besar (Operasi) FELDA

Latar Belakang Akademik:

- Lulusan Program Peneraju Prestasi Tinggi, SAID Business School, University of Oxford, England
- Sarjana Pengurusan Industri Perladangan, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM
- Sarjana Muda Sains Perhutanan dengan Kepujian dari UPM

Jawatan-Jawatan Penting:

- Penggerusi FELDA Plantation Management Sdn Bhd & Lembaga Pengeluaran Batang Minyak Sawit Kebangsaan
- Ahli Lembaga Gantian MPOB
- Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat seperti:
 - Sinergi Perdana Sdn Bhd
 - Ladang Tai Tak Plantation Sdn Bhd
 - FIC Hospitality Management Sdn Bhd
 - FIC UK Properties Sdn Bhd
 - Grand Plaza Kensington Limited
 - FIC Global Limited

Lain-lain Peranan:

- Pakar Institut Koperasi Kakitangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP)
- Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA
- Ahli Sekretariat Jawatankuasa Produktiviti dan Pemuafakatan Kualiti FELDA & FGVHB

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

Jawatan kini:

- Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 5 April 2022
- Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP mulai 1 Mac 2021

Pengalaman Korporat:

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) di MAIWP
- Pengurus Baitulmal di MAIWP

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBrs. Dr. Haji Razali bin Othman

Pengarah Bebas WAQAF FELDA



Kelulusan Akademik:

- Ph.D. dalam Pengurusan Aset Islam - **Universiti Sains Malaysia**
- MBA (Major Pemasaran) - **Universiti Kebangsaan Malaysia**
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) Double Major dalam Ekonomi dan Pemasaran - **Universiti Utara Malaysia**

Pengalaman:

- Pernah berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan dan swasta
- Kepakaran dalam pengurusan aset Islam, pengumpulan dana rohani dan pemasaran perkhidmatan

Jawatan Lain:

- Perunding Utama di ESI Training & Consultancy
- Penasihat Wakaf di WAQAFA International Sdn. Bhd

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBrs. Dr. Resul bin Sapar

Pengarah Bebas WAQAF FELDA

Latar Belakang Akademik:

- Berkelulusan Ph.D. dalam Kewangan Islam - **INCEIF**
- Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) - **Universiti Malaya**

Kerjaya Akademik:

- Kini merupakan pensyarah subjek Kewangan Islam untuk program MBA di Universiti Putra Malaysia

Pengalaman Korporat:

- Pengarah Bebas bukan eksekutif di Mara Corporation Sdn. Bhd

Peranan dalam WAQAF FELDA:

- Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA sejak 22 November 2022

Jawatan Lain:

- Jawatankuasa Kewangan dan Audit Lembaga
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Jawatankuasa Tatatertib Lembaga



JAWATANKUASA EKSEKUTIF



JAWATANKUASA SYARIAH

TIMBALAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

SAHIBUS SAMAHAH TUAN
HJ JAMALI MOHD ADNAN

Dr. Mohd Faisal
bin Mustaffa

(Ketua Pegawai Strategi dan
Transformasi Lembaga Zakat
Negeri Kedah)

Pn. Hjh. Norhana Ramli
(Setiausaha)

Prof Madya Dr. Nurul
Aini Muhammed
(Timbalan Pengarah Pusat
Wakaf dan Zakat USIM)





PENGERUSI

**Sahibus Samahah Tuan
Hj Jamali Mohd Adnan**

*Timbalan Mufti Wilayah
Persekutuan*

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Syariah & Undang-undang, Akademi Islam di Universiti Malaya dan mendapat kursus lanjutan di Abu Dhabi UAE, Muslim College, London dan Darul Ifta' Al Azhar Cairo di dalam bidang Tamadun Islam, Perbandingan Agama, Pengurusan Dakwah dan Fatwa.

Beliau merupakan Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan. Beliau pernah menggalas tanggungjawab sebagai Qadi di Kuala Selangor, Petaling dan Klang. Ketua Unit Agama Jabatan Penjara Malaysia. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Penyelidikan dan Halal JAKIM dan JAIS. Beliau juga merupakan seorang Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Putrajaya, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pelajaran JAWI. Selain itu, beliau adalah Pengarah di Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan JAKIM. Antara jawatan lain yang disandang oleh beliau ialah Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan, Panel Syariah Koperasi ANGKASA dan Panel Syariah Wakaf FELDA. Selain itu, beliau merupakan Jawatankuasa Lajnah Perubatan dan Pengubatan Islam LAJPI dan Jawatankuasa Teknikal Hospital Mesra Ibadah, Kementerian Kesihatan Malaysia. Disamping itu, beliau turut terlibat dalam Jawatankuasa Lajnah Pendidikan MAIWP, Panel Deradikalisisasi Anti Terrorisme JAKIM, Pemegang Tauliah mengajar Selangor, Wilayah Persekutuan & Negeri Sembilan dan turut berpengalaman berdakwah di Jepun, Thailand, Mesir dan London.

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Dr Nurul Aini Muhammed merupakan Profesor Madya di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Felo di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM).

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Zakat dan Wakaf (PWZ), USIM dan Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan). Dr. Nurul Aini memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah (Pengurusan) dari Universiti Malaya (2001), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2003) dan Master of Islamic Finance Practice (MIFP) dari INCEIF (2020). Beliau dianugerahkan PhD (Perniagaan dan Pengurusan) dari University of South Australia (2009). Pada masa ini, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Syariah BNP Paribas Malaysia Berhad dan Great Eastern Takaful Berhad. Selain itu, beliau juga merupakan Penasihat Syariah bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Beliau pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Hong Leong MSIG Takaful. Beliau turut terlibat aktif di dalam persatuan akademik sebagai exco, International Council of Islamic Finance Educators (ICIFFE). Minat bidang penyelidikannya meliputi Undang-Undang Transaksi Islam, Perbankan dan Kewangan Islam, Pematuhan Halal dan Tadbir Urus Syariah.

AHLI

**Prof Madya Dr Nurul
Aini Muhammed**

*Timbalan Pengarah Pusat
Zakat dan Wakaf USIM*



JAWATANKUASA SYARIAH

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah WAQAFFELDA mulai 22 November 2022. Dr Mohd Faisal Mustaffa berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya (UM) serta menamatkan pengajian diperingkat Sarjana dan PhD di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kini beliau sedang menyambung pengajian diperingkat sarjana kali kedua dalam bidang Sarjana Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Beliau bertugas sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Tabung Haji dan memegang beberapa jawatan iaitu sebagai Pengurus Jawatankuasa Urusan Haji (JKUH), Lembaga Tabung Haji. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPFMB) dan juga turut diberi kepercayaan sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat, Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam, Universiti INCEIF iaitu merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang memfokuskan kepada kewangan Islam bernaung di bawah Bank Negara Malaysia. Bagi mengukuhkan kompetensi beliau dalam bidang kepimpinan korporat, beliau mengikuti program 'Aspiring Directors Immersion Programme (ADIP)' selama setahun anjuran Institute of Corporate Director Malaysia (ICDM) dengan sokongan Bursa Malaysia dan juga merupakan Ahli Ordinary Institute of Corporate Director Malaysia (ICDM) dan Ahli Ordinary, Persatuan Penasihat Shariah dalam Kewangan Islam (ASAS).

Beliau juga merupakan Sarjana Tamu di Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Timbalan Ketua Pemuda Forum Zakat & Wakaf Sedunia (2020-2023), Ikon Penasihat Muda Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera Malaysia dan juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengajian Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Kedoktoran Kewangan (Kewangan Islam) di Universiti Antarabangsa Albukhary (2019-2020). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa NGO Kami Anak FELDA (KAF) Wilayah Alor Setar serta Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan KAF Kebangsaan bagi sesi 2021-2023.



AHLI

Dr Mohd Faisal Mustaffa


*Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi
Lembaga Zakat Negeri Kedah*



JAWATANKUASA PELABURAN



CARTA ORGANISASI PETUGAS 2024



CARTA ORGANISASI PETUGAS 2024



Muhamat Faizal Marjani Mohd Suffian Mohamad Ishak Hisyam Ahmad Siti Noratifa Idayu Zainal Abidin Faridatul Nadira Sabari



Umi Shuhaili Said Akipah Deana Naihah Munawir Azreen Shahrim Muhammad Syaiful Zikri Razmi Mohd Nasharudin Said Nor Suhaila Abdul Samad




Hasan Hussin Nor Azlan Muhammad Khairol Azwan
Anuar Abd Razak Abdul Karim Arif Izlan Md Isa Mohd Habib
Fakhrurazi Che Mat Isa Azwan Ameri Muhammad Danial
Muhammad Abdul Rahman




MODEL
WAQAF FELDA

MODEL WAQAF FELDA




MODEL WAQAF FELDA

AHLI



KUTIPAN



KATEGORI KEAHLIAN WAQAF FELDA



**RM
10,000,000.00**


**Balatin
(Platinum)**

**RM
5,000,000.00 -
9,999,999.00**

**Zamrud
(Permata)**

**RM
1,000,000.00 -
4,999,999.00**

**Zahab
(Emas)**



**Fiddhah
(Perak)**

**RM
100,000.00 - 999,999.00**

**Hadid
(Gangsa)**

**RM
10,000.00 - 99,999.00**



SASARAN PEWAKAF (AHLI)

Sasaran Pewakaf (Ahli)


Sasaran Ahli

50
RIBU AHLI

Capai sehingga Dis 2024

42,208 AHLI


PERATUS CAPAI



Capai sehingga Mac 2025

42,388 AHLI

PERATUS CAPAI



SASARAN PEWAKAF (KUTIPAN)

Sasaran Pewakaf (Kutipan)


Sasaran

RM70
JUTA

Capai sehingga Dis 2024

RM40,523,125.00

PERATUS CAPAI



Capai sehingga Mac 2025

RM40,968,536.00

PERATUS CAPAI



Wakaf Am sehingga Mac 2025

RM2,396,373



LAPORAN AGIHAN DANA SOSIAL 2024/2025



KLUSTER	JUMLAH KELULUSAN (RM)	BILANGAN BENIFISIARI TIDAK LANGSUNG
Bencana	85,850	8,359
Kemudahan Awam	80,304.20	13,412
Kesihatan & Dhaif	93,795	2,042
Pendidikan & Kerohanian	16,500	3,148
JUMLAH	276,449.20	26,961

RUMUSAN MAJALAH LAPORAN DANA SOSIAL DAN AGIHAN DANA SOSIAL 2024/2025

PERUNTUKKAN 2024-2025	RM305,368.00
BAKI 2023-2024	-
SUMBANGAN FGV PRODATA	RM5,730.00
JUMLAH PERLU DIAGIH 2024-2025	RM311,098.00

SENARAI NAMA PENERIMA AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KESIHATAN & DHAIF

- Mohamed bin Hamzah
- Mohd Rizal bin Mat
- Mohd Yuzaman bin Mohd Yusof
- Nur Hafidzi bin Nor Sam
- Saleh bin Yunus
- Mohammad Khairul Anuar bin Md Yunus
- Abdul Zahid bin Langkamin
- Ibrahim bin Abdul Rahman
- Ali bin Hussain
- Asmah binti Razali
- Samsuri bin Salikin
- Salmi binti Abd Rahman
- Nurul Alaisha Aida binti Mohd Amri
- Roslina binti Napdi
- Norazlina binti Salim
- Hasnah binti Md Dom
- Muhammad Ramli bin Safie
- Khalijah binti Rin
- Rusli bin Teh
- Saiful bin Bidin
- Subramani A/L Kanniah
- Muhammad Althaf Rayyan bin Mohd Zainal Azam
- Sekretariat Permuafakatan Siswa/Siswi FELDA (PERSADA)
- Kassim bin Jalil
- Nayi bin Awang
- Mohamad Nazar bin Ahmad
- Muhammad Iqmar bin Surady
- Mohd Rizal bin Mohd Noor
- Rakiah binti Daud
- Hasnah binti Husain
- Hafiza binti Abdul Majid
- Laili binti Hassan
- Rabiatul Adawiyah binti Zulkifli
- Mazlan bin Razalli
- Mohammad Khairol Anuar bin Md Yunus
- Zakariah bin Husen
- Muhammad Efandi bin Kamarudin
- Kamal-Deen Abdallah Ibd Chambas
- Ahmad bin Mat Zin
- Kamarayah binti Ibrahim
- Jusoh bin Saat
- Nurhidayah binti Rusli
- Khatijah binti Mamat
- Muhammad Fazrul Shahrizan bin Azizan
- Norbi bin Hussin
- Anisah binti Ali
- Muhammad Aiman Haris bin Mazri
- Misripah binti Saion
- Asah binti Chik
- FELDA Wilayah Sahabat
- Muhammad Al Ehsan bin Zulkifli
- Rafeah binti Ramli
- Masrom@Masram bin Jaapar
- Zaleha binti Muhamad Nor
- Mohd Khalil bin Hassan
- Ahmad Nazirul Mudin bin Muhamad
- Mohd Sharif bin Dolah
- Mohd Hakim Al-Hafiz bin Mat Yusof
- Muhammad Haidir Moin
- Nurul Fazilah binti Kamarzaman
- Khalifa Saidi Khamisi
- Noor Shahieda binti Mohamad Ayamin
- Siti Lizawati binti Kadri
- Muhammad Afiz bin Mazlan
- Abdullah bin Ismail
- Majlis Belia FELDA Wilayah Trolak
- Hussin bin Jusoh
- Warga Wilayah Jengka
- Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak Kanser (KIDS)
- Nor Nazirah binti Samah
- Pondok Pak Kob
- Nor Ayuni binti Maslan
- Anis Sofiya binti Md Zaidi



LAPORAN AGIHAN DANA SOSIAL 2024/2025



SENARAI NAMA PENERIMA AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

BENCANA

- | | | |
|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Nurul Shakila Zahari• Nor Zalikha Husna binti Zailani• Nor Sharina binti Mohd Zin• Jabatan Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA• Abdullah bin Derus• Rosli bin Saad• Cik Pian binti Hassan• Ishak bin Ahmad | <ul style="list-style-type: none">• Ahmad bin Mat Zin• Mohamad Radzi bin Abdullah• Ishak bin Ramli• Mukhtaruddin bin Ab Hamid• Abu Zar bin Abdullah Suhaimin• Jainab bin Adnan• Maahad Tahfiz Al-Quran Sulaimaniyyah• Rancangan FELDA Lubok Merbau | <ul style="list-style-type: none">• Wilayah Terengganu• Rancangan FELDA Seberang Taylor• Rokiah binti Abdul Rahman• Saad bin Cha• En Isa bin Mohamad Nor |
|---|---|--|

PENDIDIKAN & KEROHANIAN

- | | | |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sallehudin Ayobi bin Hashim• Persatuan Belia (FELDA) Palong 7• JKRR FELDA Sg Behrang | <ul style="list-style-type: none">• Jabatan Integriti FELDA• Noor Adriana Batrisya binti Mohd Zuryen Adzry | <ul style="list-style-type: none">• Maahad Sheikh An-Nakhibi• FELDA Perasu (TAUSIYAH) |
|--|---|--|

KEMUDAHAN AWAM

- | | | |
|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Masjid Al Maghfirah• Sekolah Agama FELDA Pasak• Masjid Al-Huda• Sekolah Agama Dato' Hj Hassan Yunos• Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Mifbahul Falah• Khairat Kematian FELDA Bukit Bading• Sekolah Rendah Agama Rakyat Tarbiatul Islamiah | <ul style="list-style-type: none">• Masjid Al-Islahiyah• Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Al-Nur Jannah Sik• Masjid Al-Rizuaniah• Sekolah Agama Rakyat• Sekolah Rendah Islam 2• Maahad Imtiyas Intergrasi Ilmuhan Ulul Albab Selangor• Madrasah Tahfiz Islahiah Ibnu Salim | <ul style="list-style-type: none">• JKRR FELDA Bukit Batu• Muhammad Sufian bin Abd Rahman• Klinik Bergerak WAQAF FELDA• Razani bin Mustafa• Nurul Asyikin bin Md Desa/Pusat Literasi |
|---|---|--|

SALURAN BERWAKAF



1. SECARA TUNAI (BORANG)

Pemohon boleh memohon keahlian dan membuat sumbangan wakaf secara tunai dengan melengkapkan borang permohonan dan menyertakan bukti pembayaran.

2. SECARA ATAS TALIAN

Permohonan keahlian dan sumbangan wakaf juga boleh dibuat dengan melayari laman web rasmi WAQAF FELDA di www.waqaffelda.com.my. Pemohon juga akan menerima pemberitahuan melalui emel yang berdaftar

3. SECARA ATAS TALIAN (KEMPEN)

Melalui kempen digital WAQAF FELDA, orang awam juga boleh berwakaf dengan mudah melalui laman web rasmi dan media sosial WAQAF FELDA. Sumbangan tersebut akan direkod dan disahkan melalui emel yang berdaftar.

4. SECARA POTONGAN BULANAN (ATAS TALIAN)

Melalui potongan bulanan atas talian (Awam), orang awam berpeluang untuk menyumbang wakaf secara konsisten dengan melakukan permohonan di laman web rasmi WAQAF FELDA.

5. SECARA POTONGAN GAJI

Melalui potongan gaji (Kakitangan) Petugas FELDA atau Kumpulan FELDA kini boleh berwakaf melalui potongan gaji dengan mengisi borang yang telah disediakan.

6. SECARA POTONGAN PAYSHEET

Melalui potongan paysheet (Peneroka), peneroka yang ingin berwakaf dengan WAKAF FELDA boleh menggunakan kaedah potongan paysheet melalui Jabatan Kewangan FELDA.





**NOTIS PANGGILAN
MESYUARAT AGUNG**

NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG





LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

(Diperbadankan di Malaysia)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN PADA
31 DISEMBER 2024**

MNZWAJA PLT

202406000007 (LLP0037802-LCA) & AF 001959

AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA)

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

<u>Isi kandungan</u>	<u>Mukasurat</u>
Maklumat Korporat	1
Laporan Lembaga Pengarah	2 - 4
Penyata Lembaga Pengarah	5 - 6
Akuan Berkanun	7
Laporan Juruaudit Bebas	8 - 12
Penyata Kewangan	
Penyata Kedudukan Kewangan	13
Penyata Pendapatan	14
Penyata Perubahan Dana	15
Penyata Aliran Tunai	16
Nota - nota kepada Penyata Kewangan	17 - 40

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Sri Ahd Shabery bin Cheek
Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya
Encik Izham bin Mustaffa
Dr Resul bin Sapar
Dr Razali bin Othman

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norhana binti Ramli (BC/N/1815)
(PC No: 202408000075)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 47, Pejabat Pengarah Besar, Menara FELDA
Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA

Tingkat 46, Menara FELDA
Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

MNZWAJA PLT
202406000007 (LLP0037802-LCA) & AF 001959
Chartered Accountants (Malaysia)
No 19-2-1, Jalan Wangsa Delima 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC)
53300 Kuala Lumpur

BANK - BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
MBSB Bank Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ialah (sebagai badan yang diberi tauliah sebagai mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) menerima, mengurus / mentadbir dan mengagihkan (manfaat) sumbangan wakaf.

HASIL

	RM
Keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tahun semasa	<u>265,663</u>
Pada pendapat para pengarah, hasil kendalian Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa.	

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada sebarang pindahan penting yang telah dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun ini.

LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang berkhidmat sejak tarikh penubuhan dan pada tarikh laporan ini ialah:-

Dato' Sri Ahd Shabery bin Cheek	
Dato' Amiruddin bin Abdul Satar	(Meletakkan jawatan pada 14 Oktober 2024)
Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail	(Meletakkan jawatan pada 30 Oktober 2024)
Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya	
Encik Izham bin Mustaffa	
Dr Resul bin Sapar	
Dr Razali bin Othman	
Encik Jamaludin bin Md Ali	(Meletakkan jawatan pada 7 Jun 2024)
Dr Yusri bin Mohamad	(Meletakkan jawatan pada 9 Februari 2024)

Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan oleh itu ianya tidak mempunyai saham di mana para pengarah tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

MANFAAT PARA PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak dari tahun sebelumnya, tidak ada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam ganjaran diterima atau akan diterima dan patut diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di nota kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja separuh masa Syarikat) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

INDEMNITI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada indemniti telah diberikan atau premium insurans yang telah dibayar, semasa atau pada akhir tahun kewangan ini, bagi mana-mana pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat yang sedang berkhidmat atau telah berkhidmat.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah - langkah yang sewajarnya:
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan elaun bagi hutang rugu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang yang diketahui lapuk telah dihapuskira dan elaun yang memadai telah dibuat untuk hutang rugu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang berkemungkinan tidak dapat direalisasi pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan dalam perjalanan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:
 - (i) yang boleh menyebabkan jumlah penghapusan bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang rugu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

- (iii) yang timbul yang menyebabkan kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (iv) yang tidak diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang didedahkan di dalam penyata kewangan Syarikat masing-masing mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang akan atau boleh menjelaskan keupayaan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tiada butiran, urus niaga atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil yang timbul di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang berkemungkinan boleh menjelaskan secara ketara hasil kendalian Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

GANJARAN JURUAUDIT

Ganjaran yang dibayar kepada juruaudit ke atas kerja-kerja pengauditan yang dijalankan sebagai juruaudit adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Audit berkanun	<u>15,000</u>	<u>15,000</u>

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan MNZWAJA PLT, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Para Pengarah.

DATO' SRI AHD SHABERY BIN CHEEK



DR RESUL BIN SAPAR



Kuala Lumpur

Tarikh: **04 JUN 2025**

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA LEMBAGA PENGARAH
Menurut Seksyen 251 (2) Akta Syarikat 2016

Kami, DATO' SRI AHD SHABERY BIN CHEEK dan DR RESUL BIN SAPAR, selaku dua daripada Lembaga Pengarah **WAQAF FELDA** menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan menurut kehendak Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016, supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Syarikat pada tahun berakhir 31 Disember 2024 dan prestasi serta aliran tunai kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Para Pengarah.

DATO' SRI AHD SHABERY BIN CHEEK



DR RESUL BIN SAPAR



Kuala Lumpur
Tarikh: **04 JUN 2025**

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

AKUAN BERKANUN
Menurut Seksyen 251 (1) (b) Akta Syarikat 2016

Saya, HISYAM BIN AHMAD @ AHMADDIAH, pegawai yang bertanggungjawab atas rekod-rekod perakaunan dan pengurusan kewangan **WAQAF FELDA**, dengan takzimnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan mengikut kehendak peruntukan Akta Akuan Berkunun 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh)
Seperti yang dinyatakan di atas)
HISYAM BIN AHMAD @ AHMADDIAH di)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)



HISYAM BIN AHMAD @ AHMADDIAH

04 JUN 2025

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



NO 8A, LORONG SELANGOR
TAMAN MELAWATI,
53100 KUALA LUMPUR
0126365528



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Laporan mengenai penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **WAQAF FELDA** yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, dan penyata pendapatan dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024 dan nota - nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Syarikat mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan), Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan Professional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika berdasarkan mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.





LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Lembaga Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi Laporan Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau kesalahan yang ketara.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami berpendapat bahawa terdapat kesalahan yang ketara dalam maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam mengikuti keperluan bagi penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.





LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan

Semasa penyediaan penyata kewangan Syarikat, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Lembaga Pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesalahan yang ketara apabila ia berlaku. Kesalahan ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting sama ada secara individu atau secara terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

- ☒ Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalaman.





LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan (sambungan)

- ☒ Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- ☒ Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.
- ☒ Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- ☒ Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.





LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli - ahli Syarikat, sebagai sebuah badan berdasarkan Seksyen 266, Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana mana pihak lain yang bergantung kepada kandungan laporan ini.

MNZWAJA PLT
MNZWAJA PLT
202406000007 (LLP0037802-LCA) & AF 001959
Akauntan Bertauliah

Taqiyuddin Amin bin Abdul Satar
Taqiyuddin Amin bin Abdul Satar
02378/09/2026 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: **04 JUN 2025**

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2, Persiaran Flora, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Telephone : +603 8322 8100 Fax : +603 8322 8200



WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
 Pada 31 Disember 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	184,401	27,838
Aset tak ketara	5	158,600	149,400
Jumlah aset bukan semasa		343,001	177,238
ASET SEMASA			
Penghutang dan pelbagai penghutang	6	373,722	144,461
Inventori	7	131,998	140,982
Tunai dan kesetaraan tunai	8	43,115,254	39,562,030
Jumlah aset semasa		43,620,974	39,847,473
JUMLAH ASET		43,963,975	40,024,711
EKUITI			
Dana Ain Wakaf	9	40,523,132	37,433,926
Dana Manfaat Terkumpul	10	1,730,121	893,335
Keuntungan terkumpul		767,599	501,936
Jumlah ekuiti		43,020,852	38,829,197
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Liabiliti pajakan	11	106,624	-
Jumlah liabiliti bukan semasa		106,624	-
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pembiutan dan akruan	12	88,132	210,950
Pendapatan tertunda	13	-	544,965
Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	14	661,976	388,707
Agihan Manfaat melalui MAIWP	15	75,727	50,892
Liabiliti pajakan	11	10,664	-
Jumlah liabiliti semasa		836,499	1,195,514
JUMLAH LIABILITI		943,123	1,195,514
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		43,963,975	40,024,711

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA PENDAPATAN
 Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
Hasil:			
Jualan barang		609,007	44,377
Pelunasan dana	13	2,044,965	1,472,107
Pendapatan dari pelaburan Dana Operasi		-	4,439
Yuran pengurusan	19	147,668	99,248
Pulangan jualan		(228)	-
		<u>2,801,412</u>	<u>1,620,171</u>
 Tolak: Kos jualan			
Stok awal		140,982	108,404
Tambah: Belian		287,228	64,365
Tolak: Inventori akhir		(131,998)	(140,982)
		<u>296,212</u>	<u>31,787</u>
 Keuntungan kasar		2,505,200	1,588,384
 Tolak: Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		<u>(2,238,539)</u>	<u>(1,306,795)</u>
 Keuntungan operasi		266,661	281,589
 Tolak: Perbelanjaan faedah		<u>(998)</u>	-
 Keuntungan sebelum cukai	16	265,663	281,589
 Cukai pendapatan	18	-	-
 Jumlah keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tahun		<u>265,663</u>	<u>281,589</u>

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA PERUBAHAN DANA
 Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2024

		Tidak boleh diagihkan	Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan	
	Nota	Dana Ain <u>Wakaf</u> RM	Dana Manfaat <u>Terkumpul</u> RM	Keuntungan bagi tahun semasa RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2023		27,592,916	330,946	161,943	28,085,805
Keuntungan operasi		-	-	58,404	58,404
Pada 1 Januari 2023 (dinyatakan semula)		27,592,916	330,946	220,347	28,144,209
Tambahan dalam tahun semasa	9 & 10	9,841,010	562,389	-	10,403,399
Keuntungan operasi		-	-	281,589	281,589
Pada 31 Disember 2023		37,433,926	893,335	501,936	38,829,197
Tambahan dalam tahun semasa	9 & 10	3,089,206	836,786	-	3,925,992
Keuntungan operasi		-	-	265,663	265,663
Pada 31 Disember 2024		40,523,132	1,730,121	767,599	43,020,852

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA ALIRAN TUNAI
 Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2024

	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	265,663	281,589
Pelarasan untuk:		
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	16,640	3,748
Harta tanah, loji dan peralatan	-	15,000
Perbelanjaan faedah	998	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	283,301	300,337
Perubahan dalam penghutang dan pelbagai penghutang	(229,261)	76,644
Perubahan dalam pembiutang dan pelbagai pembiutang	(122,818)	(19,865)
Perubahan dalam Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	273,269	212,009
Perubahan dalam Agihan Manfaat melalui MAIWP	24,835	25,084
Perubahan dalam inventori	8,984	(32,578)
Perubahan dalam pendapatan tertunda	(544,965)	249,910
Tunai bersih (digunakan) / diperolehi dalam aktiviti operasi	(306,655)	811,541
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Belian harta tanah, loji dan peralatan	(173,203)	(16,759)
Belian aset tak ketara	(9,200)	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(182,403)	(16,759)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Faedah dibayar	(998)	-
Pembayaran sewa beli	(1,712)	-
Terimaan dana wakaf	3,089,206	9,841,010
Agihan penerimaan atas pelaburan dana wakaf yang akan diagihkan bagi tahun semasa bagi Dana Pelaburan Semula	836,786	562,389
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	3,923,282	10,403,399
Pertambahan bersih dalam tunai dan bersamaan	3,434,224	11,198,181
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun semasa	39,562,030	28,363,849
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun semasa	42,996,254	39,562,030

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

1. MAKLUMAT KORPORAT

WAQAF FELDA adalah merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer, diperbadankan dan diuruskan di Malaysia.

Alamat tempat perniagaan utama dan pejabat berdaftar masing - masing terletak di Tingkat 46, Menara FELDA, Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur dan Tingkat 47, Pejabat Pengarah Besar, Menara FELDA, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat ialah (sebagai badan yang diberi tauliah sebagai mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) menerima, mengurus / mentadbir dan mengagihkan (manfaat) sumbangan wakaf.

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Jun 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Penyata kewangan ini disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan matawang fungsian bagi Syarikat.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

2.1 Penggunaan anggaran dan penghakiman

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset - aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan dasar andaian akan disemak dan dipinda dari masa ke semasa. Perubahan ke atas anggaran perakaunan akan diambil kira di dalam tempoh di mana anggaran tersebut diubah dan tempoh yang berkaitan di masa hadapan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengalaman dasar - dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambil kira di dalam penyata kewangan.

2.2 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum efektif

Pada tarikh kebenaran penyata kewangan ini, Piawaian, Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan berikut telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Syarikat:

Pindaan kepada MFRS berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

- | | |
|--|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> Pindaan MFRS 7 dan MFRS 107 • Pindaan MFRS 128 | Pengaturan Pembentukan Pembekal/Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Entiti Bersekutu atau Usaha Sama |
| <input checked="" type="checkbox"/> Pindaan MFRS 7 dan MFRS 107 • Pindaan MFRS 128 | Pengaturan Pembentukan Pembekal/Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Entiti Bersekutu atau Usaha Sama |

Baharu, pindaan dan tafsiran kepada MFRS berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025.

- | | |
|--|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Pindaan MFRS 121 | Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
- Kekurangan Keupayaan Pertukaran |
|--|---|

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

2.2 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum efektif (sambungan)

Baharu, pindaan dan tafsiran kepada MFRS berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026.

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">☒ Pindaan MFRS 9 danMFRS 7•
Pindaan MFRS 1,MFRS 7,
MRFS 9, MFRS10 dan MFRS
107
☒ Pindaan MFRS 9 danMFRS 7•
Pindaan MFRS 1,MFRS 7,
MRFS 9, MFRS10 dan MFRS
107 | <ul style="list-style-type: none">Instrumen Kewangan dan Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pindaan kepada Pengelasan dan Pengukuran Instrumen KewanganPenerimaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Instrumen Kewangan: Pendedahan, Instrumen Kewangan, Penyata Kewangan Tersatupadu dan Penyata Aliran Tunai - Penambahbaikan TahunanInstrumen Kewangan dan Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pindaan kepada Pengelasan dan Pengukuran Instrumen KewanganPenerimaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Instrumen Kewangan: Pendedahan, Instrumen Kewangan, Penyata Kewangan Tersatupadu dan Penyata Aliran Tunai - Penambahbaikan Tahunan |
|--|---|

Baharu, pindaan dan tafsiran kepada MFRS berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">☒ Pindaan MFRS 18• Pindaan MFRS 19
☒ Pindaan MFRS 18• Pindaan MFRS 19 | <ul style="list-style-type: none">Penyataan dan Pendedahan dalam Penyata KewanganAnak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam: PendedahanPenyataan dan Pendedahan dalam Penyata KewanganAnak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam: Pendedahan |
|--|---|

Pengaplikasian awal MFRS dan Pindaan kepada MFRS yang dinyatakan di atas dijangka tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran

Instrumen kewangan, diiktiraf dalam penyata kewangan bila dan hanya Syarikat menjadi pihak yang terikat secara rasmi kepada peruntukan - peruntukan instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, Syarikat mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam kes aset kewangan yang tidak diklasifikasi pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (NSMUR), kos urus niaga yang secara langsung dikaikan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang dibawa di NSMUR dibelanjakan dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya

Syarikat mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset - aset kewangan

(a) Kos yang dilunaskan

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili bayaran semata - mata pembayaran principal dan faedah (SPPI) diukur pada kos pelunasan. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan keadaan kadar faedah efektif. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam penyata untung atau rugi dan dibentangkan dalam keuntungan / (kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penurunan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata untung atau rugi.

(b) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (NSMPKL)

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada NSMPKL. Pergerakan dalam jumlah dibawa diambil melalui pendapatan komprehensif lain (OCI), kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosotnilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya (sambungan)

Aset - aset kewangan (sambungan)

(b) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (NSMPKL) (sambungan)

Syarikat mengiktiraf pelaburan dalam saham disebut sebagai harga sebagai pelaburan dalam ekuiti yang tidak dipegang untuk diperdagangkan. Pelaburan ini diukur di NSMPKL. Syarikat mengukur apa - apa perubahan seterusnya dalam nilai saksama pelaburan dalam pendapatan komprehensif lain. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian kecuali dividen mewakili pemulihan sebahagian daripada kos pelaburan. Keuntungan dan kerugian bersih lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila pengiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain tidak diklasifikasi semula kepada untung rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian dan diiktiraf dalam keuntungan / (kerugian) lain untuk menyesuaikan item baris dengan sewajarnya. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan / (kerugian) lain dan perbelanjaan kerosakan dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata untung atau rugi.

(c) Nilai Saksama melalui untung atau rugi (NSMUR)

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos dilunaskan atau NSMPKL diukur pada NSMUR. Syarikat juga boleh menetapkan aset kewangan NSMUR secara tidak boleh ditarik balik jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidakcocokan yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan dibentangkan secara bersih dalam keuntungan / (kerugian) lain dalam tempoh di mana ianya terjadi.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya (sambungan)

Aset - aset kewangan (sambungan)

(c) Nilai Saksama melalui untung atau rugi (NSMUR)

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan yang tidak dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung rugi diukur pada nilai kos dilunaskan menggunakan kadar faedah efektif.

(iii) Cara Lazim pembelian atau penjualan aset kewangan

Cara lazim pembelian atau penjualan ialah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak dengan terma yang menghendaki penghantaran aset dalam tempoh masa yang ditentukan oleh peraturan atau kebiasaan dalam pasaran berkaitan.

Cara lazim pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktiraf dan dibatalkan pengiktirafan seperti yang terpakai menggunakan tarikh perdagangan perakaunan. Tarikh perdagangan perakaunan merujuk kepada:

- Pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti yang akan dibayar pada tarikh perdagangan, dan
- Pembatalan pengiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang untung atau rugi atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh perdagangan.

(iv) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima masuk (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti diiktiraf dalam untung atau rugi.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iv) Pembatalan pengiktirafan (sambungan)

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan Pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan merupakan aset nyata yang digunakan selama lebih dari satu tempoh perakaunan dan digunakan untuk tujuan penghasilan bekalan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran dan untuk tujuan sewaan kepada pihak lain. Ia hanya diiktiraf dalam Kunci Kira-kira apabila Syarikat mengawal aset tersebut.

Semua harta, loji dan peralatan pada mulanya diukur pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos termasuk harga belian dan semua kos langsung yang terlibat dalam memastikan aset itu berada dalam keadaan dan lokasi yang sesuai bagi kegunaan pengurusan.

Hartanah, loji dan peralatan berikutnya diukur pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan/atau kerugian pengurangan nilai.

(ii) Susut nilai

Susut nilai diperuntukkan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos harta, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

	Kaedah	Kadar	Jangka hayat (Tahun)
Alatan pejabat	Garis lurus	10%	10
Kenderaan	Garis lurus	20%	5
Komputer dan perisian	Garis lurus	20%	5

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

(ii) Susut nilai (sambungan)

Pada penghujung setiap tahun laporan, nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai akan disemak kemunasabahannya. Sebarang perubahan akan dilaras secara prospektif bermula dari tempoh semasa.

(c) Aset tak ketara

(i) Pengiktirafan dan Pengukuran

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Syarikat dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambil alih adalah diukur pada kos pada awalnya. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata pendapatan.

(ii) Susut nilai

Aset tak ketara yang dinyatakan oleh Syarikat tidak mempunyai tempoh jangkaan hayat, oleh yang demikian aset tak ketara tidak mempunyai susut nilai yang perlu dilunaskan tetapi ianya perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(d) Rosotnilai asset

Nilai bawaan asset disemak untuk rosotnilai apabila terdapat tanda bahawa asset tersebut akan mengalami rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan asset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah yang lebih tinggi antara nilai jualan bersih asset tersebut dan nilai sedang digunakan, yang diukur berdasarkan aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan. Amaun boleh pulih dianggarkan bagi setiap asset, atau jika mustahil, bagi unit janaan tunai.

Harga jualan bersih bagi asset atau unit janaan tunai ditentukan berdasarkan hiriki berikut: (i) harga jualan muktamad, (ii) harga pasaran dalam pasaran aktif, dan (iii) anggaran harga pasaran berdasarkan maklumat yang ada.

Aliran tunai yang digunakan bagi menentukan nilai sedang digunakan diperoleh, selepas didiskaun, menggunakan bajet pengurusan yang munasabah dan boleh disokong serta ramalan lima tahun dan ekstrapolasi aliran tunai bagi tempoh lebih lima tahun ramalan atau bajet.

Caj kerugian rosotnilai dikenakan ke atas penyata pendapatan dengan serta merta, melainkan asset tersebut dinyatakan pada amaun nilai semula. Sebarang kerugian rosotnilai asset yang dinilai semula akan disifatkan sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula yang telah diiktiraf sebelum ini bagi asset yang sama.

Kenaikan susulan dalam nilai boleh didapati semula sesuatu asset dikira sebagai pembalikan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat nilai dibawa asset yang sepatutnya ditentukan (ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta-merta, melainkan asset tersebut dinyatakan pada amaun nilai semula. Pembalikan kerugian rosotnilai ke atas asset yang dinilai semula dikreditkan terus ke atas lebihan penilaian.

Walau bagaimanapun, pembalikan rosotnilai diiktiraf sebagai pendapatan setakat mana kerugian rosotnilai asset yang sama telah diiktiraf sebelumnya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(e) Tunai dan setara tunai

Tunai merangkumi tunai dalam simpanan bank termasuk deposit. Setara tunai merangkumi pelaburan yang matang dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pembelian yang mana sedia diubah kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(f) Peruntukan

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Syarikat mempunyai tanggungan undang undang dan konstruktif semasa yang disebabkan oleh peristiwa yang lepas, apabila terdapat kemungkinan aliran keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsangkan liabiliti dan apabila anggaran andal terhadap amaun tanggungan dapat dibuat.

(g) Liabiliti pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai aset hak guna (“AKG”) dan liabiliti yang sepadan di tarikh aset yang dipajak tersedia untuk digunakan oleh Syarikat.

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Syarikat memperuntukan pertimbangan berdasarkan kontrak untuk menentukan komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga jualan tersendiri. Walaubagaimanapun, untuk pajakan seperti kenderaan atau peralatan pejabat yang mana Syarikat adalah pemajak, ia telah memilih suai manfaat praktikal yang disediakan dalam MFRS 16 yang mana tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen ini mengambil kira komponen pajakan tunggal dan bayaran untuk kedua-dua komponen adalah termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(g) Liabiliti pajakan

(i) Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Syarikat mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatkan. Pilihan sambungan (atau tempoh selepas penamatkan opsyen) hanya dimasukkan dalam tempoh pajakan jika pajakan itu semunasabahnya pasti melanjutkan (atau tidak akan ditamatkan). Syarikat menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan adalah dalam kawalan Syarikat dan menjelaskan sama ada Syarikat secara munasabah pasti akan melaksanakan pilihan yang tidak sebelum ini termasuk dalam penentuan tempoh pajakan, atau tidak untuk melaksanakan pilihan sebelum ini termasuk dalam penentuan tempoh pajakan. Semakan dalam tempoh pajakan mengakibatkan pengukuran semula liabiliti pajakan.

(ii) Bayaran pajakan

Bayaran pajakan terdiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan. Pajakan bayaran diperuntukkan antara kos prinsipal dan kewangan. Kos kewangan dicaj kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah yang tetap secara berkala ke atas faedah baki liabiliti bagi setiap satu tempoh.

Syarikat membentangkan liabiliti pajakan berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dibentangkan dalam kos kewangan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iii) Kontrak sewa beli

Syarikat membuat pajakan bagi kontrak untuk sewa aset yang mengandungi peruntukan memberikan pilihan kepada penyewa untuk memperoleh hak milik ke atas aset tersebut setelah memenuhi syarat yang dipersetujui.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(h) Pengiktirafan hasil

(i) Dividen diterima

Dividen diterima diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

(ii) Jualan barang

Hasil dari jualan barang diiktiraf setelah diambil kira cukai jualan dan diskaun semasa berlakunya pindahan risiko dan ganjaran.

(i) Hasil faedah

Hasil faedah terdiri daripada keuntungan pelaburan yang diiktiraf berdasarkan nisbah keuntungan dan jangka masa simpanan. Pendapatan daripada simpanan jangka pendek diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah pendapatan berkesan kepada untung atau rugi.

(j) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Gaji, upah, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti perubatan dan faedah yang bukan berbentuk wang dikira sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Syarikat.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia dikehendaki menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sumbangan seperti ini dikira sebagai belanja dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan ini dibayar, Syarikat tidak mempunyai sebarang tanggungan masa hadapan.

(iii) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja dikira hanya selepas persetujuan dicapai dengan wakil pekerja atas syarat-syarat yang menetapkan lebihan pekerja atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan tentang syarat-syarat tersebut.

WAQAF FELDA

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2024

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(k) Ukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran yang berdasarkan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di psaran atau dalam ketidaan pasaran utama, dalam psaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

Apabila mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, pihak Syarikat menggunakan data pasaran boleh diperhatikan sejauh mungkin. Nilai saksama adalah dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam tahap nilai saksama berdasarkan penggunaan input dalam teknik penilaian seperti berikut:

- Tahap 1: Harga yang disebut harga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset - aset atau liabiliti - liabiliti yang serupa di mana Syarikat boleh mengakses pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: Input selain daripada harga yang disebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang mana boleh dipantau bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berdasarkan data pasaran yang boleh dipantau (input tidak boleh dipantau).

Pihak Syarikat mengiktiraf pemindahan antara peringkat tahap nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan permindahan.

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Alatan pejabat RM	Komputer dan perisian RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Kenderaan RM	-	Jumlah RM
Kos					-	
Pada 1 Januari 2023	4,500	13,082	-	-	-	17,582
Pelarasan dalam tahun semasa	-	-	164,400	-	-	164,400
Pada 1 Januari 2023 (dinyatakan semula)	4,500	13,082	164,400	-	-	181,982
Tambahan bagi tahun semasa	12,761	3,998	-	-	-	16,759
Pelarasan dalam tahun semasa	-	-	(15,000)	-	-	(15,000)
Pengelasan dalam tahun semasa	-	-	(149,400)	-	-	(149,400)
Pada 31 Disember 2023	17,261	17,080	-	-	-	34,341
Tambahan bagi tahun semasa	1,799	565	-	170,839	-	173,203
Pada 31 Disember 2024	19,060	17,645	-	170,839	-	207,544
Susut nilai terkumpul					-	
Pada 1 Januari 2023	260	2,495	-	-	-	2,755
Pada 1 Januari 2023 (dinyatakan semula)	260	2,495	-	-	-	2,755
Susut nilai bagi tahun semasa	999	2,749	-	-	-	3,748
Pada 31 Disember 2023	1,259	5,244	-	-	-	6,503
Susut nilai bagi tahun semasa	1,816	3,435	-	11,389	-	16,640
Pada 31 Disember 2024	3,075	8,679	-	11,389	-	23,143

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Alatan pejabat RM	Komputer dan perisian RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Jumlah RM
Nilai buku bersih					
Pada 1 Januari 2023	4,240	10,587	-	-	14,827
Pada 1 Januari 2023 (dinyatakan semula)	4,240	10,587	164,400	-	179,227
Pada 31 Disember 2023	16,002	11,836	-	-	27,838
Pada 31 Disember 2024	15,985	8,966	-	159,450	184,401

Pada tahun kewangan semasa, tambahan hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM53,638 (2023: RM16,759) adalah di beli secara tunai.

	2024 RM	2023 RM
Tunai	54,203	16,759
Sewa beli	119,000	-
	173,203	16,759

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

5. ASET TIDAK KETARA

	Perisian RM	Jumlah RM
Kos		
Pada 1 Januari 2023	-	-
Pengelasan dalam tahun semasa	149,400	149,400
Pada 31 Disember 2023	149,400	149,400
Tambahan bagi tahun semasa	9,200	9,200
Pada 31 Disember 2024	<u>158,600</u>	<u>158,600</u>
Susut nilai terkumpul		
Pada 1 Januari 2023	-	-
Pada 31 Disember 2023	-	-
Pada 31 Disember 2024	-	-
Nilai buku bersih		
Pada 1 Januari 2023	-	-
Pada 31 Disember 2023	<u>149,400</u>	<u>149,400</u>
Pada 31 Disember 2024	<u>158,600</u>	<u>158,600</u>

Pada tahun kewangan semasa, tambahan aset tak ketara berjumlah RM9,200 (2023: RM Nil) adalah di beli secara tunai.

	2024 RM	2023 RM
Tunai	<u>9,200</u>	-

Aset tak ketara yang dinyatakan oleh Syarikat tidak mempunyai tempoh jangkaan hayat, oleh yang demikian aset tak ketara tidak mempunyai susut nilai yang perlu dilunaskan seperti yang dinyatakan pada Nota Kepada Penyata Kewangan 3(c)(ii).

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

6. PENGHUTANG DAN PELBAGAI PENGHUTANG

	2024 RM	2023 RM
Penghutang perniagaan	75,100	4,360
Tolak: Hutang lapuk	-	(3,060)
Baki penghutang perniagaan	<u>75,100</u>	<u>1,300</u>
Pelbagai penghutang	<u>298,622</u>	<u>143,161</u>
	<u><u>373,722</u></u>	<u><u>144,461</u></u>

7. INVENTORI

	2024 RM	2023 RM
Barang siap	<u>131,998</u>	<u>140,982</u>
Diiktiraf di penyata pendapatan:		
Inventori diiktiraf sebagai kos jualan	<u>287,228</u>	<u>64,365</u>

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2024 RM	2023 RM
Tunai di tangan	768	1,129
Baki di bank	2,744,991	1,960,901
Deposit di institusi kewangan berlesen	<u>40,369,495</u>	<u>37,600,000</u>
	<u><u>43,115,254</u></u>	<u><u>39,562,030</u></u>

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

9. DANA AIN WAKAF

	2024 RM	2023 RM
Dana ain wakaf		
Baki pada 1 Januari	36,303,752	21,057,568
Tambahan dalam tahun semasa	2,113,532	9,841,010
Dana yang telah dapat dikenalpasti dalam tahun semasa	-	5,405,174
Baki dana ain wakaf pada 31 Disember (a)	<u>38,417,284</u>	<u>36,303,752</u>
Dana ain wakaf dalam permohonan		
Baki pada 1 Januari	1,130,174	6,535,348
Tambahan dalam tahun semasa	975,674	-
Dana yang telah dapat dikenalpasti dalam tahun semasa	-	(5,405,174)
Baki dana ain wakaf dalam permohonan pada 31 Disember (b)	<u>2,105,848</u>	<u>1,130,174</u>
Baki pada 31 Disember (a) + (b)	<u>40,523,132</u>	<u>37,433,926</u>

10. DANA MANFAAT TERKUMPUL

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 1 Januari	893,335	330,946
Tolak: Agihan yang telah dilaburkan semula bagi tahun semasa - Penjualan quran	(195,750)	-
	<u>697,585</u>	<u>330,946</u>
Tambah: Agihan bagi tahun semasa (rujuk Nota 19) Agihan yang telah dilaburkan semula bagi tahun semasa - Penjualan quran	836,786	562,389
	<u>195,750</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>1,730,121</u>	<u>893,335</u>

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

11. LIABILITI PAJAKAN

	2024 RM
Nilai buku bersih yang termasuk dalam kelas hartanah, loji dan peralatan	
- Kenderaan	<u>170,839</u>
Liabiliti Bukan Semasa	
Baki pada 1 Januari	-
Tambahan dalam tahun semasa	119,000
Dipindahkan ke liabiliti semasa	<u>(12,376)</u>
Baki pada 31 Disember (a)	<u>106,624</u>
Liabiliti Semasa	
Baki pada 1 Januari	-
Pembayaran dalam tahun semasa	(1,712)
Dipindahkan dari liabiliti bukan semasa	<u>12,376</u>
Baki pada 31 Disember (b)	<u>10,664</u>
Jumlah sewa beli [(a)+(b)]	<u>117,288</u>
Bayaran pajakan masa hadapan yang perlu dibayar	
- Kurang dari satu (1) tahun	16,260
- Lebih dari satu (1) tahun	<u>127,341</u>
Jumlah bayaran pajakan minimum masa hadapan	<u>143,601</u>
Tolak: Caj kewangan masa hadapan	<u>(26,313)</u>
Nilai semasa bayaran pajakan minimum	<u>117,288</u>

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2024 RM	2023 RM
Pelbagai pemiutang	38,754	-
Akruan	<u>49,378</u>	<u>210,950</u>
	<u>88,132</u>	<u>210,950</u>

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

13. PENDAPATAN TERTUNDA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 1 Januari	544,965	295,055
Tambah: Tambahan dalam tahun semasa	1,500,000	1,722,017
	<u>2,044,965</u>	<u>2,017,072</u>
Tolak: Pelunasan yang telah dilakukan dalam tahun semasa	(2,044,965)	(1,472,107)
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>544,965</u>

14. AGIHAN MANFAAT MELALUI FELDA / SYARIKAT

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 1 Januari	388,707	176,698
Tambah: Agihan bagi tahun semasa (rujuk Nota 19)	454,364	305,368
	<u>843,071</u>	<u>482,066</u>
Tolak: Agihan yang telah dilakukan bagi tahun semasa	(181,095)	(93,359)
Baki pada 31 Disember	<u>661,976</u>	<u>388,707</u>

15. AGIHAN MANFAAT MELALUI MAIWP

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 1 Januari	50,892	25,808
Tambah: Agihan bagi tahun semasa (rujuk Nota 19)	75,727	50,892
	<u>126,619</u>	<u>76,700</u>
Tolak: Agihan yang telah dilakukan bagi tahun semasa	(50,892)	(25,808)
Baki pada 31 Disember	<u>75,727</u>	<u>50,892</u>

WAQAF FELDA
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2024

16. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

	2024 RM	2023 RM
Keuntungan sebelum cukai diperolehi setelah dikenakan:		
Fi juruaudit luar	15,000	15,000
Fi juruaudit luar - terkurang peruntuk tempoh kewangan	-	5,000
Imbuhan Lembaga Pengarah	15,000	26,000
Elaun Ahli Jawatankuasa:		
Eksekutif	6,500	-
Pelaburan	2,500	3,000
Syariah	3,000	6,000
Kos kakitangan (Nota 17)	751,803	515,682
Selenggara:		
Kenderaan	1,223	-
Komputer dan sistem	14,690	500
Pejabat	25,710	-
Sewaan:		
Kenderaan	1,350	-
Peralatan pejabat	13,900	-
Server	17,684	8,600
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	16,640	3,748

17. KOS KAKITANGAN

	2024 RM	2023 RM
Gaji, elauan dan kerja lebih masa	547,360	398,350
KWSP	144,892	108,867
Lain-lain faedah	59,551	8,465
	751,803	515,682

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2024

18. CUKAI PENDAPATAN

	2024 RM	2023 RM
Keuntungan sebelum cukai	<u>265,663</u>	<u>281,589</u>
Cukai pada kadar 24%	63,759	67,581
Perbelanjaan tidak boleh ditolak	-	136,801
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	<u>(63,759)</u>	<u>(204,382)</u>
	<u>-</u>	<u>-</u>

Pada 15 Julai 2022, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan Syarikat untuk pengecualian cukai pendapatan di peringkat pendapatan statutori bagi tempoh 3 tahun bermula tahun taksiran 2022 sehingga tahun taksiran 2024 di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.

Seterusnya, pada 16 Disember 2024, merujuk kepada surat MOF. TAX. 700-3/1/793 (24), Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan Syarikat untuk lanjutan pengecualian cukai di peringkat pendapatan statutori bagi tempoh 4 tahun mulai tahun taksiran 2025 sehingga tahun taksiran 2028 di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2024

19. AGIHAN JUMLAH PENERIMAAN ATAS PELABURAN DANA AIN WAKAF & DANA PELABURAN SEMULA

Agihan adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Jumlah penerimaan atas pelaburan dana ain wakaf & dana pelaburan semula yang akan diagihkan bagi tahun semasa	<u>1,514,545</u>	<u>1,017,897</u>
Diagihkan kepada:	%	RM
Agihan Dana Pelaburan Semula	55.25%	836,786
Agihan Dana Operasi sebagai yuran pengurusan	9.75%	147,668
Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	30.00%	454,364
Agihan Manfaat melalui MAIWP	5.00%	75,727
	<u>44.75%</u>	<u>677,759</u>
	<u>100.00%</u>	<u>1,514,545</u>
		<u>1,017,897</u>

WAQAF FELDA
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2024

20. INSTRUMEN KEWANGAN

Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan berhemat bermakna mengekalkan tunai dan kemudahan dana yang mencukupi. Lebihan dana diletakkan dalam deposit di mana dana boleh disediakan dalam masa yang singkat. Di samping itu, kajian semula ke atas kecairan Syarikat adalah untuk memastikan keperluan tunai adalah mencukupi.

Aset kewangan

Aset kewangan utama Syarikat adalah penghutang dan deposit dan tunai dan setara tunai.

Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai. Liabiliti kewangan utama Syarikat termasuk pemuitang dan pendahuluan.

Instrumen ekuiti direkodkan pada hasil yang diterima selepas ditolak kos bagi terbitan langsung.

Nilai saksama

Nilai bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah dianggarkan hampir dengan nilai saksama kerana tempoh matang yang pendek untuk instrumen ini.

21. ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian pembentangan angka perbandingan telah diklasifikasi mengikut aktiviti seperti yang dimandatkan kepada Waqaf.

Oleh itu, pengelasan semula tertentu dibuat dan angka perbandingan juga dikelaskan semula sewajarnya untuk disesuaikan dengan persembahan semasa penyata kewangan pada tahun kewangan ini.



LAPORAN AKTIVITI
WAQAF FELDA

LAPORAN AKTIVITI WAQAF FELDA

1. Program Sambutan Hari Peneroka FELDA

Program Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2025 yang telah diadakan pada 12 hingga 14 Julai 2025 menyaksikan penglibatan Waqaf FELDA dalam beberapa aktiviti yang bermakna. Antara program utama yang dilaksanakan oleh Waqaf FELDA adalah seperti berikut:



Khatam 5 Minit:

Program ini mengumpul 1000 orang peserta dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Permata Pintar Kolej Islam Antarabangsa (IIC) dan Maahad-maahad tahfiz sekitar Selangor di bawah PITAS (Persatuan Institut Tahfiz al-Quran Negeri Selangor) berjaya mengkhatamkan al-Quran selama 5 minit yang diketuai oleh Ustaz Husaini Mahmur, Johan Qari Tilawah Al-Quran Antarabangsa Malaysia 2024. Majlis turut diserikan dengan dengan kehadiran Tan Sri Rastam Mohd Isa, Pengurus FGV Holdings Berhad dan Ybhg Dato' Mohd Banuri Aris, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA.

Mini Showcase Omar Hana:

Penampilan maskot kegemaran ramai Omar Hana dan penampilan khas kumpulan nasyid Inteam memeriahkan lagi sambutan Hari Peneroka FELDA. Turut diadakan pertandingan mewarna kepada kanak-kanak yang hadir.



FELDA Berselawat:

Felda Berselawat dengan tema Otai Berbisa, Selawat Bergema julung-julung kalinya diadakan dengan kehadiran otai-otai tanah air seperti Dato' Nash, Yabang Khalifah, Aris Ariwatan, Mawi, Kumpulan Nasyid Inteam, Lah Ahmad, Pot Amir, Azan Addin, Zaf VE, Marhaband serta pelajar tahfiz disulami dengan tausiyah oleh Dato' Haji Badlishah Alaudin, Timbalan Mufti Pahang. Turut hadir dalam majlis ini, YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi beserta Ybhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengurus FELDA beserta kepimpinan FELDA.



Reruai Waqaf FELDA:

Pembukaan reruai dan Kaunter WAQAF FELDA memberi penerangan mengenai pelaksanaan program wakaf di FELDA di samping membuka peluang kepada mereka yang hadir untuk berwakaf Bersama WAQAF FELDA. Kaunter wakaf dan Waqaf Al- Quran mendapat sambutan yang baik dari semua yang hadir semasa sambutan Hari Peneroka FELDA 2024.





Waqaf Run 2.0 Edisi Hari Peneroka FELDA

Berlari sambil berwakaf! Waqaf Run 2.0 – Anjuran Waqaf FELDA pada 13 julai 2024, Waqaf FELDA dengan Kerjasama Pure Lifestyle (M) Sdn Bhd yang bertempat di MAEPS Serdang dan telah disertai lebih 1600 orang peserta. Program yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan mengajak masyarakat untuk berwakaf Bersama Waqaf FELDA dapat diterjemahkan melalui aktiviti sukan dengan Waqaf Run.

Dalam acara ini juga, penyampaian cek cura sumbangan wakaf yang disampaikan oleh Peneroka dan Generasi Baharu FELDA Ijok, JKRR FELDA Cherul 1&2, JKRR FELDA Lepar Hilir 1 dan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad 2.





Bengkel Dai

Bengkel Da'i Wakaf FELDA yang dilaksanakan di setiap zon (Selatan, Timur dan Utara) FELDA merupakan satu inisiatif strategik yang bertujuan untuk melahirkan barisan pendakwah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menyampaikan mesej wakaf kepada komuniti. Program ini memberi tumpuan kepada latihan dan pendedahan mengenai konsep, serta kepentingan wakaf dalam pembangunan ekonomi dan sosial ummah di samping menyampaikan maklumat mengenai inisiatif Baharu Waqaf FELDA.

Melalui bengkel ini, para peserta yang terdiri daripada petugas FELDA iaitu Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Pembangunan Masyarakat dan penyelaras wakaf di Rancangan dan Wilayah FELDA bagi melatih para dai menjadi agen yang mampu mempromosikan amalan wakaf secara berkesan di peringkat akar umbi serta membina rangkaian sokongan dakwah yang mampu menggerakkan inisiatif wakaf secara berterusan dan sistematik.





Bicara Mutiara Qurani

Program Bicara Mutiara Qurani dengan kehadiran Ustaz Fakhrul UNIC dan Imam Muda Nazrul, Ikon Waqaf FELDA berkongsi ilmu mengenai Al-Quran dan Program Cabutan Waqaf Vaganza 2.0. Program ini merupakan anjuran WAQAF FELDA dengan Kerjasama Puspanita Cawangan Kecil FELDA & Bahagian Latihan FELDA. Turut hadir memeriahkan YM Datin Raja Suhana, Pengurus Puspanita Cawangan Kecil FELDA dan Dr Razali Othman - Ahli Lembaga Pengarah Waqaf FELDA.





Wakaf Vaganza 2.0

Wakaf dan menang. Pewakaf telah ditawarkan hadiah yang menarik seperti sebuah kereta Proton Bezza, Paket Umrah, Gold Bar 5g 999, Paket Percutian, Telefon Pintar, dan Smartwatch bagi mereka yang bertuah.



Program Cabutan Bertuah Wakaf Vaganza 2.0 ini dilaksanakan bermula 10 Mei 2024 sehingga 15 Ogos 2024 yang dilaksanakan oleh Waqaf FELDA ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat, khususnya warga FELDA, dalam amalan wakaf secara lebih aktif dan berkesan. Melalui pendekatan yang kreatif dan mesra komuniti ini, ia bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang kepentingan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Jumlah penyertaan adalah seramai 6619 orang dan dana wakaf dapat dikumpulkan sebanyak RM 294,931.

Hadiah dan operasi kempen ini tidak menggunakan dana wakaf. Kempen ini adalah berpandukan garis panduan peraduan berasaskan hadiah Bil.5 (2013) terbitan JAKIM dan diperakui oleh Sekretariat Syariah Waqaf FELDA.





Waqaf Vaganza 3.0

Sambutan yang hangat dan menggalakkan dari Waqaf Vaganza Edisi Ramadan dan Waqaf Vaganza 2.0 telah mencetuskan Waqaf Vaganza 3.0 dengan hadiah yang lebih menarik bermula 1 Oktober 2024 sehingga 31 Disember 2024.



Alhamdulillah, penyertaan bagi kempen ini mendapat sambutan sebanyak 6765 peserta dengan jumlah RM345,217 Antara hadiah yang ditawarkan ialah Perodua Myvi 1.5, Pakej Umrah, Gold Bar 999 5g dan TV 55 inci. Terima kasih buat mereka yang tidak putus-potus menyokong inisiatif WAQAF FELDA. Kaya Dunia Kaya Akhirat.





Sesi Rakaman Tazkirah Malam Jumaat

Program ini merupakan anjuran Astro Oasis & WAQAF FELDA dengan kerjasama Puspanita FELDA dan Bahagian Latihan FELDA yang berlangsung selama 2 sesi rakaman iaitu Sesi 1 yang bermula 11 pagi hingga 1 petang yang membawa tajuk Visa Ke Syurga dan Sesi 2 bermula 2.30 petang sehingga 4.30 petang yang bertajuk Sekufu Akhir Perkahwinan.





Kempen Wakaf Al-Quran

Kempen Waqaf Al-Quran yang dianjurkan mendapat sambutan yang amat baik terutamanya dalam kalangan peneroka. Kempen ini menarik minat Seri Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, apabila Baginda berkenan mencemar duli singgah ke reruai Waqaf FELDA sempena Moh Karnival Makmur Daerah Pekan 2024 yang berlangsung dengan meriah.

Baginda turut menunjukkan minat mendalam terhadap inisiatif Waqaf Al-Quran yang dianjurkan oleh Waqaf FELDA dan berkenan berwakaf sebanyak dua naskhah Al-Quran sebagai tanda sokongan dan keprihatinan Baginda terhadap usaha murni ini.

Program ini bertujuan untuk memastikan lebih ramai umat Islam, dapat memiliki dan membaca Al-Quran, dengan harapan dapat menyebarkan ajaran dan nilai-nilai Islam secara lebih meluas. Al-Quran yang diwakafkan di sumbangkan kepada institusi yang memerlukan seperti pusat tahfiz, sekolah dan masjid.





Persidangan antarabangsa – The 3RD International Conference ON ZAKAT, TAX, WAQF & ECONOMIC DEVELOPMENT (ZAWED) 2024.

Persidangan Antarabangsa Zakat, Cukai, Wakaf & Pembangunan Ekonomi (ZAWED) 2024 dianjurkan oleh Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM), dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Persidangan ini berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober 2024 di Hatten Hotel, Melaka, dengan tema "Harnessing Islamic Sosial Finance for Future Sustainability"

Persidangan ini juga menjadi platform penting bagi ahli akademik dan pemain industri untuk berbincang mengenai sinergi zakat, wakaf, dan cukai dalam pembangunan sosioekonomi. Penyertaan WAQAF FELDA dalam persidangan peringkat antarabangsa ini menunjukkan peranan WAQAF FELDA dalam industri Waqaf Korporat. WAQAF FELDA telah membentangkan kertas kajian berhubung Waqaf Korporat dan telah mendapat anugerah kertas kajian terbaik dalam persidangan ini.





World Zakat & Waqf Forum (WZWF)

WAQAF FELDA telah menyertai Persidangan Tahunan ke-13 Forum Zakat dan Wakaf Dunia (World Zakat and Waqf Forum, WZWF) yang berlangsung pada 1 hingga 2 November 2024 di Jakarta Convention Centre, Indonesia. Acara ini dianjurkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia dengan kerjasama Bank Indonesia, Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), dan Badan Wakaf Indonesia (BWI).

Acara ini juga menyediakan platform untuk peserta berinteraksi, berkongsi idea, dan membina kerjasama yang dapat memperkuuh sistem kewangan sosial Islam di peringkat global.

Waqaf FELDA telah melakukan kunjungan hormat ke Tzu Chi Hospital di Jakarta, Indonesia, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperluaskan jaringan kerjasama dalam bidang kemanusiaan dan kesihatan. Kunjungan ini bertujuan untuk melihat lebih dekat bagaimana hospital Tzu Chi menjalankan operasi mereka serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.





Ride Attack : Ride Amal – Menyantuni Pendidikan, Menghubungkan Komuniti

Waqaf Felda dengan kerjasama FELDA Plantation Management (FPM) mengadakan program Ride Attack dan menyampaikan agihan sumbangan kepada Maahad Tahfiz Ulul Albab. Program ini turut berkolaborasi bersama KPF2, KOGUNA dan Surau Menara FELDA.

Majlis turut diserikan lagi dengan perkongsian dari Saudara Zul Handyblack kepada semua hadirin yang hadir.

Turut serta Ustaz Hisyam Ahmad (CEO Waqaf FELDA) dan En. Saifullah Mat Nor (CEO FPM) dalam majlis penyampaian sumbangan ini.



AGIHAN MANFAAT 2024/2025



Kesihatan & Dhaif

Waqaf FELDA telah melaksanakan agihan bantuan bagi Kluster Kesihatan dan Dhaif melibatkan seramai 2,042 orang benefisiari yang terdiri daripada golongan asnaf dan individu berkeperluan kesihatan. Agihan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Waqaf FELDA untuk membantu golongan yang memerlukan, khususnya mereka yang berada dalam kedudukan serba kekurangan dari segi kewangan dan tahap kesihatan.

Bantuan ini bukan sahaja meringankan beban hidup penerima, tetapi juga memberi bantuan bagi akses kepada rawatan dan keperluan kesihatan yang lebih baik. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Waqaf FELDA dalam memperkasa aspek kebajikan dan kesihatan masyarakat FELDA serta menunjukkan peranan wakaf sebagai instrumen yang efektif dalam membantu meningkatkan kesejahteraan ummah.

WAQAF FELDA dan PEDULI INSAN

WAQAF FELDA dengan kerjasama Pertubuhan Peduli Insan Malaysia telah menyalurkan bantuan kepada 26 keluarga di kawasan Yala dan Pattani, Thailand Selatan.

Program bantuan ini menyediakan pek makanan dan bekalan atas Ramadan kepada golongan yang memerlukan di kawasan yang masih kurang membangun ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masyarakat Muslim Patani menghadapi cabaran ekonomi dan kehidupan yang sukar akibat ketegangan berterusan di wilayah tersebut. Masyarakat Muslim Patani yang merupakan komuniti Melayu Islam di selatan Thailand mempunyai warisan budaya dan identiti keagamaan yang perlu dipelihara.

Bantuan ini disalurkan kepada beberapa golongan sasaran termasuk:

1. Keluarga miskin
2. Golongan asnaf
3. Anak-anak Yatim





Bantuan Kembali ke Sekolah kepada Anak-anak pejuang Kanser dengan Kerjasama KIDS (Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser)

Waqaf FELDA Bersama Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser telah menganjurkan Program Kembali ke Sekolah Sesi 2024/2025 buat para pelajar pejuang kanser kanak-kanak yang berusia antara 7 hingga 17 tahun. Agihan manfaat wakaf disampaikan dalam bentuk baucer persekolahan kepada 172 orang.





Program Santunan Syawal : Santunan Kasih buat Anak-Anak Kanser

Waqaf FELDA berkolaborasi sekali lagi dengan KIDS menyantuni anak-anak pejuang kanser di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Tuanku Azizah (HTA), Kuala Lumpur. Melalui program ini, pihak WAQAF FELDA menyampaikan sumbangan dalam bentuk bakul makanan dan duit raya yang diagihkan kepada 40 kanak-kanak yang sedang meneruskan rawatan ketika yang lain sedang menyambut Syawal yang bakal tiba.



Agihan Manfaat Gelandangan.

Agihan Manfaat Gelandangan 2025 telah melibatkan Kerjasama Yayasan FELDA dan PERSADA telah menyampaikan 400 agihan pek makanan kepada gelandangan di Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit pada bulan Ramadan.



PENDIDIKAN & KEROHANIAN

Kluster Pendidikan dan Kerohanian di bawah inisiatif Waqaf FELDA telah memainkan peranan penting dalam memperkuuh pembangunan insan dan nilai kerohanian dalam kalangan warga FELDA. Melalui pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan, seramai 3,148 individu telah menerima manfaat secara langsung dan tidak langsung. Agihan ini merangkumi pelbagai bentuk sokongan seperti bantuan Pendidikan kepada mereka yang memerlukan dalam bentuk kewangan maupun alat bantuan Pendidikan serta program kerohanian kepada institusi Pendidikan dan agama. Bukan itu sahaja, WAQAF FELDA turut menyampaikan agihan berbentuk infrastruktur dan kemudahan bagi institusi pendidikan yang memerlukan supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih kondusif buat para pelajar dan guru-guru. Usaha ini mencerminkan komitmen Waqaf FELDA dalam membangunkan modal insan yang seimbang dari segi intelek dan rohani, selaras dengan aspirasi membentuk masyarakat FELDA khususnya dan masyarakat Malaysia amnya yang berilmu, berakhhlak dan berdaya saing.



*Bantuan kepada MAAHAD IMTIYAS INTERGRASI ILMUAN
ULUL ALBAB SELANGOR (ILMU)*



*Bantuan kepada MAAHAD SHEIKH
AN-NAKHIBI*

BENCANA



Bagi Kluster Bencana, Waqaf FELDA telah mengagihkan manfaat kepada seramai 8,359 orang benefisiari yang terkesan akibat pelbagai bencana seperti banjir, kebakaran, dan musibah lain. Agihan ini merangkumi bantuan keperluan asas, sokongan pemulihian serta sumbangan berbentuk kewangan bagi meringankan beban mangsa yang terlibat. Sumbangan ini menunjukkan keprihatinan Waqaf FELDA terhadap nasib golongan yang ditimpa bencana, di samping memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan segera dan menyeluruh kepada mereka yang memerlukan.



Bantuan Mangsa Banjir di Seberang Taylor



Bantuan Mansar Banjir di Wilayah Alor Setar

KEMUDAHAN AWAM

Kluster Kemudahan Awam di bawah inisiatif Waqaf FELDA telah memberikan sumbangan besar dalam mempertingkatkan kemudahan asas dan kesejahteraan masyarakat setempat. Melalui pelaksanaan program ini, seramai 13,412 orang telah menerima manfaat secara tidak langsung daripada pelbagai bentuk agihan yang dilaksanakan. Antara lokasi utama agihan manfaat termasuklah institusi pendidikan seperti sekolah, badan-badan kebajikan, kawasan ladang sawit, serta tempat awam yang menjadi tumpuan komuniti bahkan kemudahan seperti penimbang getah digital yang membantu memudahkan masyarakat peneroka dalam meningkatkan pendapatan mereka. Usaha ini bukan sahaja memperkuatkan infrastruktur sosial, malah turut memperluas akses kemudahan yang lebih baik bagi warga FELDA dan masyarakat sekeliling.



Bantuan kepada MADRASAH TAHFIZ ISLAHIAH IBNU SALIM, Tahfiz Bukit Permai





QAFF by
WAQAF FELDA

MAKLUMAT PEJABAT PAMERAN



**Balai Felda, Tingkat 7,
Jalan Gurney 1,
Kampung Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur**

SENARAI PRODUK



• KOPI MORINGGA & SACHA INCHI

- Produk kopi kesihatan yang kaya dengan Vitamin C, beta-kerotena, querisetin, dan klorogenik asid - Semua ini membantu melawan radikal bebas dalam badan.
- RM1.00 akan diwaqafkan kepada dana ain.



SET PERSALINAN AKHIR

PROJEK INFAK SET PERSALINAN AKHIR

Projek Infak Set Persalinan Akhir merupakan inisiatif terbaru oleh WAQAF FELDA dalam membantu masyarakat yang memerlukan bantuan pengurusan jenazah. Set Persalinan Akhir yang diinfakkan, diedarkan secara percuma kepada badan khairat kematian, masjid, dan pemohon individu yang memerlukan bantuan dalam menguruskan persalinan akhir orang tersayang.

Setiap unit Set Persalinan Akhir dijual pada harga RM200 dengan kemudahan diskaun dan komisen kepada ejen yang telah diluluskan. Projek ini menggunakan empat jenis akad iaitu akad al-bai', akad infaq/hibah, akad wakalah, dan akad ji'alah untuk memastikan pelaksanaan yang menepati syariat Islam.

Objektif utama projek ini adalah untuk meringankan beban keluarga si mati daripada segi kos dan keperluan logistik. Program Kursus Pengurusan Jenazah telah dijalankan sebagai program pemasaran bersemuka di bawah seliaan Ketua Zon WAQAF FELDA di setiap wilayah turut memberikan pendidikan kepada masyarakat tentang tatacara pengurusan jenazah mengikut syariat Islam.

SENARAI PRODUK



KEMPEN WAQAF AL-QURAN

WAQAF AL-QURAN: MENGALIR PAHALA TANPA HENTI

"Setiap huruf yang ibarat Sungai mengalir tiada henti"

Projek Waqaf al-Quran merupakan satu inisiatif strategik dalam memartabatkan al-Quran menerusi amalan infak. Projek ini direka khusus untuk memenuhi keperluan al-Quran di madrasah, penghafaz al-Quran, masjid, serta individu dan organisasi yang memerlukan.

Setiap al-Quran yang diwakafkan pada harga RM100 senaskhah (RM 20 untuk satu bahagian), diedarkan kepada pihak yang benar-benar membacanya, memastikan pahala pewakaf dapat mengalir secara berterusan tanpa putus. Konsep pahala jariyah ini menjadi teras kepada projek yang menggunakan akad al-bai' (jual beli), akad wakaf, dan akad wakalah dalam pelaksanaannya.

Program pemasaran bersemuka melalui Majlis Tahsin al-Quran (Bicara Mutiara Qurani) telah dijalankan di bawah penyeliaan Ketua Zon WAQAF FELDA di setiap wilayah. Platform jualan turut diperkasakan melalui sistem atas talian di laman web rasmi WAQAF FELDA, memudahkan akses masyarakat untuk menyertai projek mulia ini.





● KURTAH WAQAF FELDA

- Kainnya yang lembut dan selesa menjadikannya pilihan ideal untuk pemakaian harian.
- Mempunyai 6 warna yang berbeza dan menarik.





● **BAJU MUSLIMAH**

- Mempunyai pelbagai warna dan selesa membuat aktiviti luar.



MINYAK WANGI QAFF

- Mempunyai 4 jenis wangian yang unik dan mempesona.
- Minyak wangi dengan gabungan aroma eksklusif yang memikat.
- PUSPA/MELATI/ARJUNA/ANDIKA





● **BAJU JERSEY GENG WAQAF**

- Jersey yang selesa dipakai untuk membuat aktiviti luar.
- Kombinasi gaya dan fungsi - Jersey selesa untuk setiap pergerakan di luar.



BAJU T-SHIRT KDKA (KAYA DUNIA KAYA AKHIRAT)

- Mempunyai 2 warna (Putih dan Hitam)
- Dijadikan Cenderamata

PERFUME CAR

- Dijadikan Cenderamata



MUG WAQAF FELDA

- Dijadikan Cenderamata



PAYUNG WAQAF FELDA

- Dijadikan Cenderamata



TERMOS AIR

- Dijadikan Cenderamata



PLATFORM JUALAN: RERUAI





LAMPIRAN









WAQAF FELDA

Tingkat 46, Menara FELDA,
No. 11, Persiaran KLCC, Platinum Park,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia.

03-21912191

www.waqaffelda.com.my

Waqaf Felda Official

waqaffelda

waqaf_felda

